

**PENGURUSAN KOLEKSI MUZIUM WARISAN INDIA  
DI PULAU PINANG**

**NURUL LIANA BINTI ZUBER**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PENGURUSAN KOLEKSI MUZIUM WARISAN INDIA DI  
PULAU PINANG**

Oleh

**NURUL LIANA BINTI ZUBER**


Projek Penyelidikan yang dikemukakan ini untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti yang berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh :

Tandatangan Pengkaji

Nama : Nurul Liana Binti Zuber

Tarikh : 23 Februari 2023

DR. SURAYA SUKRI  
Senior Lecturer  
Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
15300, Kelantan, Malaysia

Tandatangan Penyelia

Nama : Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh : 2/3/2023

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrohmanirrohim, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T atas limpahan rahmat serta nikmat masa dan tenaga dapat juga saya menyiapkan tugas penyelidikan ini pada waktu tempoh yang tepat. Projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2023. Di dalam ruangan penghargaan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr.Suraya Binti Sukri iaitu selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak membantu, memberi dorongan kepada saya dan juga memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan tugas ini. Segala tunjuk ajar dan penat beliau sangatlah saya hargai.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Muzium Warisan India di Pulau Pinang terutamanya kepada Mr.Prakash R Jakathesan kerana telah banyak membantu saya dan juga sudi berkongsi maklumat berkenaan dengan kajian. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sudi membantu saya dan memberikan idea dan juga komitmen dalam menyiapkan projek kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya Zuber Bin Me dan juga ibu saya Salamah Binti Ahmad dalam memberikan sokongan dari segi doa, peringatan bantuan dan sebagainya. Segala usaha dan pengorbanan yang diberikan amatlah saya sanjung dan akan saya hargainya.

Akhir kata, diucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam membantu dan memberikan sumbangan idea, tenaga dan sebagainya dalam menyiapkan projek akhir saya ini. Semoga projek penyelidikan saya ini dapat dijadikan panduan ataupun wadah ilmu kepada generasi seterusnya.

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>	
PERAKUAN	i	
PENGHARGAAN	ii	
ISI KANDUNGAN	iii-v	
SENARAI RAJAH	vi	
SENARAI GAMBAR	vi	
ABSTRAK	vii	
ABSTRACT	viii	
BAB 1	PENGENALAN	
	1.0 Pengenalan	1 -3
	1.1 Latar Belakang Kajian	4 – 7
	1.2 Permasalahan Kajian	8
	1.3 Persoalan Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Skop Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Penutup	12
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
	2.0 Pengenalan	13
	2.1 Muzium Sebagai Institusi Warisan	13 -14
	2.2 Sejarah Muzium Di Malaysia	14
	2.2.1 Muzium Warisan India Di Pulau Pinang	14 - 15
	2.3 Lembaga Wakaf Hindu	15 - 16

	2.4 Definisi	16
	2.4.1 Muzium	16
	2.4.2 Masyarakat India	16 - 17
	2.4.3 Pengurusan Koleksi	17
	2.5 Fungsi Muzium	17 - 18
	2.6 Kerangka Teori	18 - 19
	2.7 Kesimpulan	19
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	3.0 Pengenalan	20
	3.1 Pendekatan Kajian	20 – 21
	3.2 Rekabentuk Kajian	21
	3.3 Kaedah Kajian	21 - 22
	3.3.1 Kaedah Kualitatif	22
	3.4 Unit Analisis	22 - 23
	3.5 Teknik Pengumpulan Data	23
	3.5.1 Data Primer	24
	3.5.2 Data Sekunder	25 - 26
	3.6 Pensampelan Data	26 - 27
	3.7 Analisis Data	27 – 28
	3.8 Penutup	29
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	4.0 Pengenalan	30
	4.1 Bentuk Perolehan Artifak Di Muzium Warisan India	30 - 31
	Di Pulau Pinang	
	4.1.1 Pembelian	31 - 39

4.1.2 Wakaf	39 - 42
4.1.3 Wasiat	43
4.2 Proses Pengurusan Koleksi Di Muzium Warisan India Di Pulau Pinang	43 - 44
4.2.1 Penyimpanan Barangan Koleksi	44 - 45
4.2.2 Proses Penjagaan Koleksi	45 - 47
4.2.3 Pencahayaan	47 - 48
4.3 Cabaran Pengurusan Koleksi Muzium Warisan India Di Pulau Pinang	48 - 49
4.3.1 Cabaran Dalam Mendapatkan Barangan Koleksi	49 - 51
4.3.2 Cabaran Daripada Pengunjung	51 - 53
4.3.3 Cabaran Dalam Penstafan	53 - 54
4.4 Penutup	54
BAB 5	CADANGAN DAN KESIMPULAN
5.0 Pengenalan	55
5.1 Cadangan	55
5.1.1 Mengunsurkan Penggunaan Teknologi Yang Terkini	55 - 56
5.1.2 Menyertai Kursus Pengurusan Penjagaan Koleksi	56 - 57
5.2 Penutup	57
RUJUKAN	58 - 61
LAMPIRAN (APPENDIX A)	62 - 64
SURAT KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN (APPENDIX B)	65
LATAR BELAKANG INFORMAN (APPENDIX C)	66
TRANSKRIP TEMUBUAL	66 - 84

## SENARAI RAJAH

<b>NO</b>		<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.7	Proses Analisis Data	27
Rajah 4.1	Aliran Perolehan Secara Pembelian	31
Rajah 4.1.1	Proses Perolehan Artifak Secara Wakaf	38
Gambar 1.1	Bangunan Muzium Warisan India di Pulau Pinang	4
Gambar 1.2	Profesor Ramasamy	5
Gambar 1.3	Lokasi Muzium Warisan India di Pulau Pinang	7
Gambar 1.4	Peta Lokasi Muzium Warisan India di Pulau Pinang	10



## Kajian Pengurusan Koleksi Muzium Warisan India Di Pulau Pinang Malaysia

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kaedah pengurusan koleksi warisan India oleh Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Muzium Warisan India Pulau Pinang dipilih kerana ia merupakan salah satu institusi yang bertanggungjawab memelihara dan memulihara khazanah warisan khususnya yang melibatkan barangan warisan masyarakat India di Pulau Pinang Malaysia. Oleh itu, kajian ini menggunakan pengumpulan data melalui sumber utama seperti temu bual dengan kakitangan dan pemerhatian di Muzium. Kajian ini turut memfokuskan kepada aspek pengurusan bermula daripada perolehan muzium, pendaftaran, pemeliharaan, penyimpanan, penyelidikan dan pameran. Penyelidikan ini juga telah memberikan cadangan kepada pihak pengurusan Muzium Warisan India Pulau Pinang bagi tujuan penambahbaikan pengurusan koleksi. Ini kerana pengurusan koleksi warisan India perlu dipertingkatkan supaya koleksi tersebut dapat dipelihara dan dapat dipamerkan kepada masyarakat luar dan generasi akan datang.

Kata kunci: Pengurusan, Koleksi, Pemeliharaan, Muzium Warisan India di Pulau Pinang

A Study on the Collection Management Of The Indian Heritage Museum In Penang Island  
Malaysia

**Abstract**

This study was conducted with the aim of finding out the management method of the Indian heritage collection by the Indian Heritage Museum in Penang. The Indian Heritage Museum in Penang was chosen because it is one of the institutions responsible for preserving and conserving heritage treasures, especially those involving heritage items of the Indian community in Penang Malaysia. Hence this research employed data collection through a primary sources such as interviews with the personnel and observation at the Museum. This study also focused on the management aspect starting from museum acquisitions, registration, preservation, storage, research and exhibition. This research also has provided recommendations for the management of the Indian Heritage Museum in Penang for the purpose of improving the management of the collection. This is because the management of India's heritage collection needs to be enhanced so that the collection can be preserved and can be exhibited to the outside community and future generations.

Keywords: Management, Collection, Preserving, Indian Heritage Museum in Penang

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### 1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan mengenai tajuk kajian yang dikaji iaitu mengenai Pengurusan Koleksi Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Selain itu, dalam bab ini juga membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian. Kajian ini ialah tentang pengurusan koleksi barang warisan di Muzium Warisan India Pulau Pinang.

Setiap muzium mempunyai cara pengurusan muzium yang berbeza. Menurut laman web rasmi Jabatan Muzium Malaysia, pengurusan sesebuah muzium berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan mengikut kepada struktur organisasi yang berlandaskan misi, objektif dan fungsi muzium. Sistem organisasi tersebut tidak tetap akan tetapi sesebuah muzium itu harus mengikut kepada kehendak dan aktiviti muzium seperti kewangan, pentadbiran, penerbitan, latihan, pusat rekod, editorial, perhubungan awam, arkib, pemasaran dan teknologi maklumat (M. J. M. Malaysia, 2022).

JMM memantau muzium dalam Malaysia antara muzium yang berada di bawah JMM seperti Muzium Diraja, Muzium Sultan Alam Shah dan sebagainya lagi. Fungsi JMM ialah menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara. Selain itu juga, fungsi JMM juga ialah menguruskan muzium yang terdapat di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta (M. J. M. Malaysia, 2022). Bagi muzium yang dikaji ini merupakan muzium peribadi yang berada di bawah Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (PHEB). PHEB merupakan

sebuah badan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Akta Wakaf Hindu pada tahun 1906 (Penang HEB, 2022).

Fungsi PHEB ini ialah mentadbir wakaf yang berada di bawah pentadbirannya. Wakaf bermaksud apa-apa barangan sama ada tanah, perkuburan, kuil, wang yang diberikan atau yang akan diberikan untuk faedah kepada masyarakat Hindu di Pulau Pinang. Oleh itu, muzium peribadi ini tidak sama dengan muzium yang terdapat di JMM kerana proses-proses dalam pengurusan koleksi adalah berbeza dengan muzium yang lain. PHEB juga ada menyatakan bahawa sesiapa yang ingin mempamerkan barangan koleksi mereka yang telah mereka kumpul yang koleksi mereka itu berkaitan dengan masyarakat India boleh menghubungi pihak PHEB tersebut. Jelaslah disini bahawa muzium ini hanya mempamerkan koleksi dari hasil mereka simpan tanpa melibatkan koleksi sesebuah warisan yang melibatkan negara kita (Penang HEB, 2022).

Pengurusan bagi sesebuah muzium adalah mengikut kepada dasar-dasar yang telah ditetapkan mengikut kepada landasan struktur organisasi yang selari dengan misi, visi, objektif dan fungsi muzium (Hussin, 2016). Pengurusan merupakan satu proses dimana terdapatnya kerja seperti mengawal, merancang, mengorganisasi, dan memimpin sesuatu organisasi bagi mencapai sesuatu matlamat. Konsep pengurusan merupakan satu kerja dimana proses tersebut dirancang mengikut proses dan garis panduan yang telah ditetapkan (Muzakir, 2022).

Setiap muzium di negara kita mempunyai cara pengurusan muzium yang berbeza mengikut kepada muzium tersebut. Bagi kajian ini muzium yang ingin dikaji ini ialah merupakan muzium yang melibatkan koleksi warisan bagi masyarakat India sahaja. Pengurusan koleksi menurut Anne Fahy (1995), ialah "It is blanket term applied to the physical care and documentation of collection. Because it is so abroad, it effectively encompasses a wide range of

activities which may at times appear to be disparate” yang bermaksud pengurusan koleksi merangkumi penjagaan fizikal yang ditentukan oleh jangka masa dan pendokumentasian koleksi. Objektif utama pengurusan koleksi ialah menjaga dan memelihara koleksi daripada sebarang kemusnahan ataupun kerosakan mahupun dicuri.

Menurut Anne Fahy (1995), panduan dalam menyediakan polisi bagi sesuatu pengurusan koleksi adalah perkara paling utama yang terdapat dalam pengenalan polisi tersebut manakala perkara kedua pula ialah lebih kepada memfokuskan kepada perkara yang perlu ada dalam polisi tersebut. Setelah selesai berkenaan polisi tersebut barulah proses dapat diteruskan (Fahy, 1995). Menurut Ambrose, T (1993), yang menyatakan bahawa pengurusan koleksi memerlukan beberapa penekanan dari segi polisi perolehan dan pelupusan, keselamatan dan risiko serta pemeliharaan pengurusan koleksi. Terdapat beberapa aspek yang perlu ada pada polisi perolehan iaitu tujuan dan objektif muzium, prosedur perolehan serta mengikuti peraturan am dalam pengumpulan mengikut kepada undang-undang (Ambrose & Paine, 2006).

Menurut Danilov, V.J (1992), sesuatu barangan artifak yang diperolehi haruslah di rekod dengan teliti. Dari segi aspek penjagaan koleksi haruslah dijaga rapi seperti memelihara dan memulihara koleksi tersebut, dari segi suhu dan penjagaan ketika dipamerkan kepada orang awam. Menurut beliau bagi pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan muzium yang kecil atau galeri ialah pengarah manakala bagi pihak muzium yang lebih besar dan banyak koleksi di dalam muzium tersebut ialah kurator. Kurator merupakan orang yang bertanggungjawab dalam merekod koleksi dan juga pinjaman barangan koleksi (Danilov, 1992).

## 1.1 Latar Belakang Kajian



Gambar 1.1: Bangunan Muzium Warisan India di Pulau Pinang

Sumber: Kajian Lapangan, (2022)

Gambar 1.1 menunjukkan bangunan Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Muzium Warisan India ini wujud apabila bermulanya hobi pasangan suami isteri yang gemar mengumpul mangkuk tingkat lama yang digunakan oleh masyarakat India terdahulu sehingga mendapat pengiktirafan sebagai seorang pengumpul paling banyak dalam “Malaysia Book of Records”. Selepas mendapat pengiktirafan dari “Malaysia Book of Records”, pasangan suami isteri ini iaitu Prakash R Jakathesan dan Punita Mutiah mula mengembangkan hobi beliau dengan mengumpul pelbagai barangan kegunaan masyarakat India pada zaman dahulu. Prakash R Jakathesan dan isterinya, Punita Mutiah telah mempamerkan koleksi mereka di Muzium Warisan India Pulau Pinang yang ditubuhkan dengan kerjasama Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (Astro Awani, 2018).

Selain itu, muzium ini juga merupakan muzium milikan secara peribadi yang ditubuhkan oleh Encik Prakash dengan Kerjasama Lembaga Wakaf Hindu. Oleh itu, kemasukan muzium ini ialah secara percuma sahaja tanpa bayaran. Seperti yang kita tahu kebanyakan muzium peribadi

ini tidak mengutamakan dari segi keuntungan. Tujuan beliau menubuhkan muzium ini ialah hanya untuk mempamerkan barangan koleksi beliau dan memberi pengetahuan kepada masyarakat berkenaan dengan koleksi warisan yang beliau perolehi yang digunakan oleh masyarakat India pada zaman dahulu.



Gambar 1.2: Profesor Ramasamy

Sumber: Google, (2022)

Sebelum membuka muzium ini Encik Prakash telah membuat permohonan kepada Kerajaan Pulau Pinang bagi menyediakan tempat untuk beliau mempamerkan barangan tersebut kepada generasi muda. Pada tahun 2018 barulah tertubuhnya muzium ini dan pada asalnya muzium ini merupakan sebuah pejabat bagi bekas Ketua Perdana Menteri kedua iaitu Profesor Ramasamy dan pejabat ini telah diubah suai mengikut kesesuaian kegunaan bagi ruangan muzium. Muzium ini telah beroperasi selama enam tahun. Muzium ini terletak di 225, 221, Jalan Macalister, Georgetown, 10450 George Town, Penang. Muzium ini dibuka pada 1 Mei 2018 dan kini menjadi daya tarikan baharu bagi pelancong dari luar dan dalam untuk datang ke Pulau Pinang. Muzium ini dibuka pada setiap hari kecuali hari Selasa dan juga cuti umum. Muzium ini dibuka pada pukul 10 pagi sehingga pukul 4 petang.

Muzium ini mempamerkan 2500 jenis barang termasuk barangan kegunaan harian, sembahyang, mangkuk tingkat dan barangan yang digunakan oleh masyarakat India pada tahun 1800. Encik Prakash yang merupakan pengumpul barangan lama tersebut mengatakan bahawa hampir 85 peratus barang yang dipamer di muzium itu merupakan barang yang digunakan pada masyarakat India pada zaman dahulu. Beliau mengatakan bahawa muzium ini dapat memberikan pengunjung mengenang semula zaman dahulu dan dapat memberikan sedikit pengetahuan kepada pengunjung tentang sejarah lama (Astro Awani, 2018).

Menurut International Council Of Museum (ICOM) muzium memainkan peranan menangani isu-isu traumatik sambil berkongsi pengalaman mengenai masa lalu yang dapat memberi makna dalam membantu masyarakat untuk mengetahui dunia yang sekarang yang berpandukan kepada sains dan teknologi (Hussain, 2018). Encik Prakash juga ada menyatakan bahawa tujuan beliau membuka muzium ini ialah untuk mengimbau kembali kenangan pada zaman dahulu bukan sahaja bagi kaum India malah pelbagai etnik juga boleh mengimbau semula kenangan zaman dahulu mereka. Hal ini kerana, kata beliau barangan yang terdapat di dalam muzium ini bukan sahaja kegunaan yang digunakan oleh masyarakat India malah semua masyarakat yang lain juga pernah menggunakan barangan tersebut yang membezakannya ialah cara penggunaan barangan tersebut bagi sesuatu kaum.

Menurut ICOM pada mesyuarat Agong pada tahun 1974 mendefinisikan muzium sebagai institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat, dan mempamerkan bertujuan sebagai pembelajaran, pendidikan, hiburan dan bukti bukti tinggalan manusia dan persekitarannya. Berdasarkan definisi muzium di atas, tidak dinafikan bahawa muzium banyak memainkan peranan yang sangat penting dari segi pendidikan,



kebudayaan dan pembangunan ekonomi setiap negara dan masyarakat (Portal Rasmi Terengganu, 2022).



Gambar 1.3: Lokasi Muzium Warisan India

Sumber: Kajian Lapangan, (2022)

Gambar 1.3 menunjukkan lokasi Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Seperti yang kita tahu tidak banyak muzium yang melibatkan budaya bagi sesuatu bangsa itu. Muzium Warisan Melayu di Selangor juga merupakan muzium yang sama dengan Muzium Warisan India ini. Hal ini demikian kerana kedua-dua muzium ini mempamerkan barangan koleksi yang berkaitan dengan budaya bagi sesuatu kaum itu. Oleh itu, pengkaji memilih lokasi ini disebabkan muzium ini berdekatan dengan kawasan tempat tinggal pengkaji.

Muzium ini kelihatan unik dan berbeza dari yang lain kerana barangan yang dipamerkan di muzium ini merupakan koleksi yang dikumpul sendiri oleh Encik Prakash dan juga isterinya Puan Punita Mutiah. Muzium ini juga merupakan muzium hak milik peribadi. Kajian ini dilakukan di Muzium Warisan India Pulau Pinang dan kajian ini memfokuskan kepada pengurusan koleksi yang terdapat dalam Muzium Warisan India ini. Seperti yang kita tahu muzium ini merupakan sebuah Muzium Warisan India pertama di Malaysia.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa permasalahan kajian yang akan dinyatakan dalam kajian ini. Antaranya ialah pengkaji mendapati pengurusan barangan artifak ini sangat sukar dilakukan dan memerlukan ramai pihak untuk menguruskannya. Setiap pihak pengurusan yang terlibat di bahagian pengurusan barangan artifak ini memerlukan tenaga kerja yang banyak dan terlatih dalam melakukan proses pengendalian sesuatu barangan artifak.

Selain itu, bagi permasalahan masalah bagi kajian ini juga masyarakat kurang mengetahui bagaimana cara pihak pengurusan mengurus dan memperolehi barang koleksi India yang digunakan pada zaman dahulu dan bagaimana cara pihak muzium mempersembahkan koleksi tersebut kepada masyarakat komuniti terutamanya yang tinggal di Pulau Pinang. Walaupun terdapat kajian lepas yang berkaitan dengan pengurusan yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu oleh Nur Ain Nazihah Hamzah (2018) dengan tajuk kajiannya “Pengurusan Koleksi Kain Limar Di Lembaga Muzium Terengganu”, akan tetapi kajian yang dilakukan tidak menceritakan dengan lebih terperinci bagaimana koleksi sesebuah muzium itu diuruskan. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini secara tidak langsung memberikan sedikit sebanyak maklumat kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji kajian yang berkaitan dengan pengurusan sesebuah koleksi muzium.

Di samping itu, pengkaji juga kurang mendapat maklumat mengenai aspek pengurusan yang dijalankan di Muzium Warisan India ini. Hal ini demikian kerana di awal pemerhatian yang dijalankan oleh kajian koleksi barangan artifak ini terdapat kekurangan dari segi maklumat yang berkaitan dengan pengurusan koleksi tersebut. Dengan adanya kajian seperti ini amatlah memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci.

### 1.3 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif dan tujuan penyelidikan, pengkaji akan mengemukakan tiga persoalan kajian seperti berikut:-


- a) Apakah bentuk perolehan di Muzium Warisan India ini?
- b) Bagaimanakah cara pihak pengurusan muzium memperolehi barangan artifak tersebut?
- c) Bagaimanakah aspek cabaran pengurusan koleksi Muzium Warisan India di Pulau Pinang?

### 1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

- a) Untuk mengenalpasti bentuk perolehan artifak yang terdapat di Muzium Warisan India di Pulau Pinang.
- b) Untuk mengkaji proses pengurusan koleksi yang telah diperolehi di Muzium Warisan India di Pulau Pinang.
- c) Untuk menganalisis cabaran dalam pengurusan artifak di Muzium Warisan India di Pulau Pinang.

## 1.5 Skop Kajian



Gambar 1.4: Peta Lokasi

Sumber: Google Maps, (2022)

Gambar 1.4 menunjukkan peta lokasi dimana terletak Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Muzium warisan India ini terletak di alamat 225 & 221, Jalan Macalister, 10450 George Town, Penang. Muzium Warisan India di Pulau Pinang ini dibuka pada setiap hari kecuali hari Selasa dan juga cuti umum pada pukul 10:00 pagi sehingga 4:00 petang. Kajian ini tertumpu kepada Muzium Warisan India sebagai bahan kajian, pihak yang mengurus Muzium Koleksi Warisan India, pengunjung yang berkunjung ke Muzium Warisan India dan juga masyarakat komuniti yang tinggal di Pulau Pinang. Skop kajian yang akan ditekankan oleh pengkaji adalah dari segi aspek menganalisa pengurusan koleksi di Muzium Warisan India.

Akhir sekali, pengkaji pergi ke tempat kajian lapangan iaitu di Muzium Warisan India Pulau Pinang. Maklumat mengenai Muzium Warisan India ini akan diambil dari temubual bersama Encik Prakash R Jakathesan dan Encik Mahalinggam. Hal ini dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat kepada pengkaji bagi melengkapkan kajian yang ingin dikaji.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian di dalam pengurusan koleksi barangan artifak di Muzium Warisan India Pulau Pinang akan membawa kepentingan kepada ramai masyarakat seperti individu, masyarakat dan juga institusi Pendidikan.

### i. Individu

Kajian yang dijalankan akan membawa kepentingan kepada individu. Dengan adanya kajian seperti ini akan memberi sedikit sebanyak bantuan kepada individu dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan koleksi barang artifak ini. Kajian ini juga dapat memberikan satu inspirasi kepada individu dan sedikit pengetahuan kepada individu cara bagaimana sesebuah muzium itu diuruskan.

### ii. Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat ialah masyarakat dapat memberi kesedaran bahawa pentingnya pengurusan koleksi sesebuah barangan artifak tersebut dilakukan malah kajian ini dapat memberikan masyarakat lebih menghargai barangan artifak yang terdapat di Malaysia ini.

### iii. Institusi Pendidikan

Kajian yang dijalankan akan memberikan kepentingan kepada institusi Pendidikan. Kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan bahan rujukan kepada institusi Pendidikan tinggi dalam pembelajaran mereka.

## 1.7 Penutup

Kesimpulannya, di dalam bab ini memfokuskan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dikaji iaitu berkaitan dengan pengurusan koleksi barangan warisan India di Muzium Warisan India Pulau Pinang. Seterusnya, objektif kajian yang dikemukakan bertujuan untuk mencapai matlamat utama dalam sesebuah kajian dan bagi bahagian permasalahan kajian yang telah dikemukakan adalah untuk membangkitkan isu berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### 2.0 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan satu maklumat yang diperoleh dari sumber sekunder seperti buku, majalah, surat khabar dan sumber-sumber lain yang berkaitan dengannya. Sorotan kajian merupakan satu kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini berdasarkan dalam bidang yang ingin dikaji. Terdapat beberapa topik yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu definisi koleksi, definisi muzium dan definisi masyarakat India.

#### 2.1 Muzium Sebagai Institusi Warisan

International Council Of Museum (ICOM) pada mesyuarat agong yang diadakan pada tahun 1974 telah mendefinisikan muzium sebagai satu institusi yang tidak memfokuskan kepada keuntungan malah muzium dianggap sebagai institusi yang memberikan khidmat kepada masyarakat. Seterusnya, muzium juga bersifat terbuka kerana barangan artifak yang dipamerkan di muzium merupakan bukti-bukti peninggalan daripada manusia pada zaman dahulu sehingga sekarang. Barangan artifak yang dipamerkan di muzium juga merupakan satu pembelajaran kepada masyarakat. Menurut ICOM, muzium memainkan peranan dalam menangani isu yang berkaitan dengan traumatik dan dalam masa yang sama ianya berkongsi tentang pengetahuan yang terjadi di masa lalu dan membantu kita untuk memahami kehidupan dunia yang sekarang. Muzium juga berperanan dalam mempromosikan barang artifak dan melindungi warisan ketara dan tidak ketara yang terdapat di dalam sesebuah muzium tersebut. Menurut ICOM, mempunyai lebih dari 35,000 ahli di dalam 135 buah negara yang mempunyai kepelbagaian muzium yang berkaitan dengan perlindungan bagi sesebuah barang warisan. Di muzium ini masyarakat di

negara kita dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang sejarah lalu dan barang lama yang digunakan oleh masyarakat India pada zaman dahulu yang tidak digunakan lagi pada zaman sekarang (J. M. Malaysia, 2022).

## 2.2 Sejarah Muzium Di Malaysia

Tahun 1883 merupakan permulaan sejarah bagi permuziuman di Malaysia apabila British menubuhkan Muzium Perak di Taiping lalu selepas itu penubuhan Muzium Sarawak di Kuching mula menyusul pada tahun 1888 dan pada tahun 1899 diikuti dengan Muzium Selangor. Muzium Perak dan Muzium Selangor telah disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1910. Selepas itu, pengrusan bagi kedua-dua muzium ini telah dipisahkan mengikut negeri masing-masing sebagai satu langkah di bawah sistem desentralisasi yang diarahkan oleh British. Seterusnya, Muzium Selangor telah dirobohkan akibat pengeboman yang dibuat oleh Tentera Udara Pihak Perikatan yang menyebabkan sebahagian besar bangunan dan koleksi musnah dan ianya berlaku pada 10 Mac 1945. Pada tahun 1959 iaitu dua tahun selepas kemerdekaan, Encik Ho Kok Hoe telah dilantik oleh kerajaan untuk membangunkan Muzium Negara yang telah dicadangkan oleh mereka yang akan dibina di atas tapak runtuh Muzium Selangor. Pada tahun 1962 dan 31 Ogos 1963, pembinaan ini telah dimulakan dan akhirnya Muzium Negara telah siap secara keseluruhannya dan telah dirasmikan oleh Yang di Pertuan Agong ke -III Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalulail (Jabatan Muzium Malaysia, 2022).

### 2.2.1 Muzium Warisan India Di Pulau Pinang

Muzium Warisan India di Pulau Pinang ini telah ditubuhkan pada 1 Mei 2018 dengan kerjasama Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang. Muzium ini terletak di 225, 221, Jalan



Macalister, Georgetown, 10450 George Town, Penang. Barangan artifak ataupun koleksi yang terdapat di muzium ini bermulanya hobi daripada pasangan suami isteri iaitu Prakash R Jakathesan dan isterinya Punita Mutiah. Pasangan suami isteri ini mula mengumpul barangan koleksi mereka di rumah pada tahun 2009 dan akhirnya mereka memutuskan untuk mempamerkan barangan koleksi tersebut untuk dipamerkan di muzium supaya masyarakat luar dan pelancong luar dapat melihat barangan warisan yang digunakan oleh masyarakat India pada zaman dahulu (Astro Awani, 2018).

Seterusnya, walaupun Muzium Warisan India ini di tubuhkan dengan Kerjasama Lembaga Wakaf Hindu akan tetapi segala pengurusan yang dilaksanakan ataupun dilakukan oleh Encik Prakash bergantung keatas hak beliau sendiri. Lembaga Wakaf Hindu hanya berurusan dengan pengurusan dengan kewangan sahaja dari segi bil elektrik, bil air, kerosakan yang berlaku pada muzium tersebut. Oleh itu, segala barangan koleksi, pembelian koleksi, cara penyusunan koleksi di dalam muzium ini ialah atas tanggungjawab pengurus muzium (Penang HEB, 2022).

### 2.3 Lembaga Wakaf Hindu

Lembaga Wakaf Hindu merupakan sebuah badan berkanun seperti yang dinyatakan dalam Akta Wakaf Hindu pada tahun 1906. Fungsi Lembaga Wakaf Hindu (PHEB) ialah mentadbir wakaf yang berada di bawah pentadbirannya. PHEB ini ditubuhkan bagi memberikan faedah ataupun menjaga kebajikan masyarakat Hindu di Pulau Pinang dari segi kuil, tanah, perkuburan dan sebagainya (Penang HEB, 2022). Meskipun PHEB ini merupakan satu kebajikan bagi masyarakat hindu akan tetapi ada juga masyarakat lain yang memohon bantuan kepada PHEB ini akan tetapi Lembaga Wakaf Hindu ini akan lebih mementingkan ataupun memfokuskan kepada masyarakat dari kaum India sahaja berbanding kaum lain. Hal ini

dikatakan demikian kerana, PHEB ini merupakan sebuah badan berkanun yang memfokuskan kepada masyarakat Hindu sahaja. Setiap sumbangan yang diterima oleh pihak PHEB ini merupakan sumbangan yang telah diberikan oleh masyarakat Hindu sendiri. (Penang HEB, 2022)

## 2.4 Definisi Istilah

### 2.4.1 Muzium

Muzium merupakan tempat untuk meletakkan barang-barang warisan yang terdapat pada zaman dahulu. Muzium dianggap sebagai pemegang amanah warisan negara yang tidak ternilai. Muzium juga berperanan sebagai institusi pendidikan tidak rasmi kerana sumber-sumber yang terdapat dalam muzium dapat memberikan pengetahuan dan dapat dijadikan sebagai rujukan bagi masyarakat. Definisi muzium juga merujuk kepada bangunan yang menyimpan khazanah sejarah yang lalu. Muzium merupakan satu tempat yang penting bagi kita untuk mengetahui tentang sejarah lampau. Istilah “Muzium” di negara luar membawa maksud rumah suci ‘Muse’ iaitu Tuhan atau kumpulan Sembilan dewi lambang ilmu dan kesenian. Di Malaysia istilah muzium dianggap sebagai sekolah gambar kerana terdapat banyak gambar dan barangan yang di pameran (Portal Rasmi Terengganu, 2022). Muzium ini merupakan salah satu muzium yang unik kerana ianya melibatkan budaya bagi masyarakat India sahaja. Kajian ini juga penting bagi masyarakat mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana Muzium Warisan India ini mengambil koleksi lama mereka untuk dipamerkan di muzium tersebut. Selain itu, masyarakat juga dapat melihat koleksi warisan India yang digunakan pada zaman dahulu.

### 2.4.2 Masyarakat India

Masyarakat India merupakan etnik ketiga di Malaysia dan merupakan satu kaum yang membentuk sebuah masyarakat majmuk di Malaysia. Masyarakat India kaya dengan ciri-ciri

kebudayaan dan masih mengekalkan kebudayaan dari dulu sehingga kini. Adat resam yang terdapat pada masyarakat India tidak jauh beza dengan masyarakat yang lain dari segi perkahwinan dan juga kelahiran (Masyarakat India, 2022). Masyarakat India terdiri daripada pelbagai suku kaum iaitu Tamil, Telegu, Malayali dan lain-lain lagi (U. T. Malaysia, 2022).

#### 2.4.3 Pengurusan Koleksi

Menurut Johnson, pengurusan koleksi sebagai proses pengumpul maklumat, komunikasi, koordinasi, penilaian dan perancangan. Ia memainkan peranan yang penting dalam proses ini kerana berkait dengan pemerolehan, pengekalan dan penyediaan akses kepada sumber maklumat untuk menyokong keperluan intelektual (Johnson, 2018). Menurut Abdul, sistem pengurusan koleksi banyak memerlukan penglibatan daripada tenaga kerja dan juga sumber kewangan. Sumber tenaga kerja salah satunya ialah memastikan koleksi diuruskan dengan baik mengikut piawaian yang tepat. Dari segi kewangan ialah memainkan peranan sebagai menggerakkan tenaga kerja bagi menguruskan sesuatu barangan koleksi (Shaik Azahar Shaik Hussain, 2021).

#### 2.5 Fungsi Muzium

Muzium memainkan peranan dalam pembangunan masyarakat dan negara. Peranan dan sumbangan yang dapat kita lihat daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan daripada beberapa aspek iaitu muzium sebagai gedung khazanah sejarah dan budaya negara. Muzium mengambil tanggungjawab yang tinggi dan mengambil komitmen dalam memelihara dan menjaga warisan manusia dan persekitaran. Aktiviti memulihara dan memelihara yang disusuli dengan kelengkapan maklumat dan didokumentasikan sebelum dibuku dan diterbit untuk tatapan umum. Selain itu juga muzium merupakan tempat untuk pencari maklumat dan pengumpul maklumat kepada orang ramai. Disamping itu, muzium sebagai penyebar maklumat dan mendidik

masyarakat. Fungsi muzium juga adalah menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat berkaitan dengan bidang tertentu. Hasil daripada penyelidikan maklumat yang dilakukan dapat disalurkan kepada keseluruhan masyarakat. Hal ini dapat memberikan masyarakat cinta akan ilmu pengetahuan dan mengetahui sejarah dan budaya sendiri. Seterusnya, fungsi muzium juga ialah memupuk semangat kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan budaya sendiri. Aktiviti yang dilakukan oleh muzium ini selari dengan matlamat dalam melahirkan semangat kecintaan kepada masyarakat. Usaha daripada penyelidikan dan pemuliharaan ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya kita dalam memelihara warisan kita. Akhir sekali, muzium sebagai institusi Pendidikan dan pembelajaran yang tidak formal. Muzium negara telah menyediakan beberapa program seperti mengadakan lawatan, ceramah dari pihak muzium, penerbitan promosi muzium. Muzium juga dianggap sebagai “universiti terbuka” melalui barangan yang dipamerkan dan dipertontonkan oleh masyarakat luar dan dapat memberikan masyarakat mengenali budaya dan bangsa sendiri (Hussin, 2016).

## 2.6 Kerangka Teori

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori pengurusan Henri Fayol. Henri Fayol (1908) ialah seorang ahli teori pengurusan klasik dan dianggap sebagai bapak teori pengurusan moden. Teori yang dibawa oleh Henri Fayol ini sedikit sebanyak membantu bagi sesebuah pengurusan supaya pengurusan tersebut berada dalam keadaan yang teratur. Terdapat lima teori yang terdapat dalam teori Henri Fayol ini yang perlu ada dalam sesebuah pengurusan supaya matlamat bagi sesebuah organisasi dapat dicapai. (Edwards, 2018) Antara elemen yang terdapat dalam pengurusan teori yang dibawa oleh Henri Fayol ini ialah merancang, menyusun, memberi arahan, menyelaras, dan mengawal. Teori yang di bawa oleh Henri Fayol ini dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengan aspek pengurusan

(Edwards, 2018). Aspek pengurusan dapat dijalankan dengan baik dan sistematik sekiranya kelima lima elemen tersebut dapat diaplikasikan dalam pengurusan Muzium Warisan India Pulau Pinang Ini.

Oleh itu, teori pengurusan yang dibawa oleh Henri Fayol ini sangat menepati dengan tajuk kajian yang dibuat oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan pengurusan Muzium Warisan India ini. Elemen-elemen ini sangat berguna dan merupakan perkara yang penting dalam pengurusan dan haruslah diaplikasikan supaya proses pengurusan yang dijalankan dapat berjalan dengan lebih teratur dan sistematik.

## 2.7 Kesimpulan

Dalam keseluruhan bab ini menceritakan tentang kajian yang telah dikaji oleh pengkaji sebelum ini. Pengkaji menggunakan rujukan daripada pengkaji yang lepas bagi membantu dalam memberikan maklumat tentang kajian yang ingin dijalankan. Dengan adanya rujukan daripada kajian lepas dapat menguatkan isi dan huraian tentang kajian yang dijalankan.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Pada bahagian ini, pengkaji telah menerangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan bagi mendapatkan data-data bagi kajian yang dijalankan. Kaedah metodologi ini adalah untuk membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat selari dengan tujuan dan permasalahan kajian yang dijalankan. Metodologi kajian ialah satu kaedah bagaimana pengkaji mengumpul, menganalisis maklumat bagi menyiapkan tuagasan kajian ini.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi merupakan satu sistem yang meliputi kaedah dan prinsip bagi sesuatu kegiatan. Metodologi kajian juga membawa maksud kepada cara yang sesuai bagi menjalankan penyelidikan bagi menjawab permasalahan kajian (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2017). Metodologi kajian merupakan satu penyelidikan yang dapat memberikan proses pengumpulan data berjalan dengan lancar. Metodologi kajian ini dilakukan oleh pengkaji bagi menyiapkan kajian dan mengaplikasikan data-data yang diperolehi dengan betul supaya proses sebelum dan semasa kajian yang dilakukan tidak mengalami masalah yang boleh menjejaskan kajian yang dijalankan (Hua, 2016).

#### **3.1 Pendekatan Kajian**

Pendekatan kajian yang digunakan oleh pengkaji mengenai Muzium Warisan dan India, pengkaji telah memilih pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan satu maklumat yang dapat membantu dalam memperkuatkan lagi maklumat yang ingin dikaji. Disamping itu, kajian kes ini adalah satu bentuk kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan data-data dengan menggunakan kaedah yang sesuai mengikut kepada tempat kajian yang dilakukan. Menurut Kardos dan Smith

(1979) kajian kes yang terbaik ialah mempunyai ciri-ciri berikut seperti iainya diambil dari kehidupan yang sebenar dan mengandungi sumber maklumat yang lengkap bagi pembaca bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan isu-isu yang dibincangkan (Huang, 2017). Oleh itu, pendekatan kajian yang dipilih oleh pengkaji ini ialah pendekatan secara kajian kes yang memfokuskan kajian ini dengan lebih dekat dan kajian kes ini dilihat sesuai bagi mencapai objektif kajian yang dilakukan.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah satu teknik dimana proses mendapatkan data yang akan digunakan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut Creswell (2005) reka bentuk kajian tinjauan ini ialah satu proses yang terdapat dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dimana pengkaji menjalankan satu pemerhatian terhadap keseluruhan sampel.(Tang & Tang, 2015). Selain itu, reka bentuk juga merupakan satu kaedah mengeluarkan data yang didapati mengikut kepada perancangan khusus dan sistematik dengan mmembentuk rangkaian antara pembolehubah yang terlibat secara langsung bagi sesuatu kajian yang dilakukan (Razak, 2022).

Reka bentuk kajian memfokuskan kepada proses pengumpulan data dan penulisan yang lebih terperinci megikut kepada isu yang bakal pengkaji selidik semasa menyiapkan kajian. Oleh itu, pengkaji memilih reka bentuk kajian yang bersesuaian bagi memudahkan pengkaji mendapat maklumat yang jelas dan lengkap. Rekabentuk kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah penyelidikan dalam kaedah kualitatif.

### 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini merupakan satu langkah yang perlu diambil bagi menjawab objektif kajian serta menyelesaikan permasalahan dan persoalan kajian dalam menghasilkan sesuatu

penyelidikan (Zainudin, 2022). Pengkaji telah mengambil kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah penyelidikan ini diaplikasikan oleh pengkaji bagi mencapai matlamat keseluruhan objektif kajian yang dijalankan di samping mengukuhkan lagi hujah ataupun isu yang diperoleh dari pelbagai sudut pemerhatian.

### 3.3.1 Kaedah Kualitatif

Kajian kualitatif ialah satu bentuk penyelidikan kajian yang dianggap masih baharu. Istilah kajian kualitatif kurang dijumpai pada awal tahun 2000 akan tetapi Robson (2011) menyatakan bahawa kajian kualitatif ini mula wujud dan menjadi satu tumpuan bagi pengkaji pada awal tahun 1990-an. Seterusnya, kajian kualitatif ini merupakan satu kajian yang berkait dengan pernyataan dan persoalan bukannya hipotesis dan biasanya kajian ini menggunakan persoalan seperti bagaimana, mengapa dan apa (Biggerstaff, 2012).

Kaedah yang digunakan pengkaji bagi menjalankan kajian ini ialah melalui kaedah kualitatif secara kajian kes. Kaedah ini mempengaruhi kajian pengkaji dan membantu pengkaji untuk mendapatkan sumber data – data bagi kajian ini. Selain itu, kaedah pemerhatian ini dapat membuat pengkaji merasai pengalaman sendiri dengan masalah yang terjadi di tempat lokasi kajian. Seterusnya, kaedah kualitatif ini dapat dihasilkan melalui perbincangan daripada pihak berkepentingan serta masyarakat sekeliling. Perkara ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan hujah yang penting dan relevan bagi mencapai ketiga objektif kajian yang dikaji (Malang, 2011).

### 3.4 Unit Analisis

Unit analisis merupakan satu bahagian yang penting bagi menjalankan sesuatu penyelidikan. Unit analisis ini merangkumi objek yang terlibat sebagai contoh lokasi kajian yang



dipilih, kegiatan yang dilakukan dan pelbagai lagi. Objek kajian dalam bahagian unit analisis ini ialah sesuatu objek yang dikaji dan merupakan satu masalah bagi kajian yang dijalankan. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini memfokuskan kepada cara bagaimana pengurusan artifak warisan di Muzium Warisan India dilakukan. Secara tidak langsung artifak warisan tersebut telah merangkumi objek bagi menyelesaikan permasalahan kajian ini.

Disamping itu, lokasi yang dipilih iaitu Muzium Warisan India di Pulau Pinang merupakan satu unit analisis yang digunakan oleh pengkaji. Lokasi yang dipilih ini ialah kerana tempat kajian ini berdekatan dengan kawasan tempat tinggal pengkaji. Selain itu, pengkaji juga dapati bahawa lokasi Muzium Warisan India ini belum pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini malah ramai pelancong luar tidak mengetahui akan kewujudan Muzium Warisan India ini. Lokasi ini hanya menjadi tumpuan di kawasan yang berdekatan dengan Muzium Warisan India ini sahaja. Oleh itu, pelancong dan pihak muzium merupakan satu pihak yang penting bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi menjayakan kajian yang dilakukan ini.

### 3.5 Teknik Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ialah satu kaedah dimana pengkaji mendapatkan maklumat dan mengumpul kesemua maklumat tersebut melalui proses pemerhatian yang lebih teliti dan merangkumi beberapa data yang diperolehi secara langsung mahupun tidak langsung. Selain itu, proses mendapatkan segala maklumat yang sukar diperolehi akan lebih mudah dicapai melalui pemilihan kaedah yang bersesuaian mengikut kajian yang dijalankan. Teknik pengumpulan data merupakan satu proses dimana penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah dan teknik pengumpulan data bagi tujuan analisis (Teknik Pengumpulan Data | Pascasiswazah, 2022). Oleh itu, teknik pengumpulan data ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu data primer dan data sekunder.

### 3.5.1 Data Primer

Data primer ialah satu sumber data yang diperolehi secara langsung yang diberikan kepada pengkaji. Sumber data primer ini diperolehi melalui temubual dengan pihak berkepentingan dan melalui pemerhatian langsung ataupun lapangan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul data mengenai tajuk kajian yang dijalankan. Kaedah temu bual ini akan dijalankan bersama dengan pengurus Muzium Warisan India Pulau Pinang ini. Dengan kaedah temubual ini pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci tentang maklumat yang ingin dikaji. Pengkaji akan menyediakan soalan bagi memudahkan proses temubual bersama pengurus muzium berjalan dengan lancar. Ketika temubual dijalankan pengkaji akan menggunakan alatan gajet seperti telefon untuk merakam perbualan semasa temubual dijalankan dan dijadikan rakaman perbualan tersebut sebagai satu bukti semasa pembentangan kajian (Hutagulung, 2016).

Kaedah pemerhatian juga akan digunakan oleh pengkaji kerana ini merupakan proses yang dibuat oleh pengkaji untuk meneliti pengurusan yang dibuat oleh pihak Muzium Warisan India Pulau Pinang dalam menguruskan koleksi mereka di muzium tersebut. Setiap kaedah yang akan digunakan dapat membantu pengkaji terutamanya dalam mendapatkan sumber maklumat. Kaedah pemerhatian ini merupakan satu penglibatan dimana pengkaji sendiri berada di lokasi kajian iaitu di Muzium Warisan India Pulau Pinang. Data yang diperolehi daripada pemerhatian ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil pemerhatian objektif kajian yang dilakukan.

### 3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder ialah satu data yang diperolehi daripada sumber ilmiah dan juga bahan lain. Data sekunder ini ialah satu data yang didapati daripada pengkaji yang lepas. Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder ialah data yang telah dibuat oleh pengkaji yang lepas (Mohd Mansur Bin Julani, 2014). Bagi sumber sekunder ini terdiri daripada bahan bacaan atau dokumen bertulis yang terdapat di tempat lain. Bagi kaedah sekunder ini pengkaji menggunakan rujukan buku dari perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Selain dari buku, kaedah sekunder ini juga dapat diperolehi melalui majalah, jurnal, surat khabar, risalah dan sebagainya lagi. bagi kajian ini pengkaji hanya mengambil dua kaedah sahaja iaitu kaedah perpustakaan dan rujukan daripada internet. Kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang tajuk yang ingin dikaji.

#### i) Surat Khabar Online

Pengkaji juga menggunakan kaedah untuk mendapatkan data dengan memperolehi maklumat daripada surat khabar online. Surat khabar online ini akan mengkhabarkan berita terkini yang telah berlaku pada masa itu. Sumber ini telah memberikan maklumat yang banyak kepada pengkaji tentang tajuk yang berkaitan dengan kajian. Surat khabar online ini merupakan satu sumber data yang sah untuk dijadikan sebagai rujukan.

#### ii) Jurnal

Pengkaji telah menggunakan jurnal sebagai satu kaedah bagi mendapatkan data-data atau rujukan bagi kajian yang dijalankan. Dengan adanya rujukan jurnal ini dapat memberikan kebaikan untuk dijadikan satu kaedah rujukan dan penanda aras bagi objektif yang ingin dicapai dalam kajian yang dijalankan. Sumber rujukan ini sangat membantu pengkaji

dalam mendapatkan idea-idea dan pengetahuan dalam menyelesaikan matlamat yang ingin dicapai melalui kajian ini.

### iii) Sumber Internet

Sumber internet ini adalah satu platform yang wajib digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan sumber-sumber yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji dan memudahkan pengkaji memperolehi data yang sesuai dengan tajuk kajian. Pengkaji telah mengambil langkah alternatif sumber internet bagi menambah maklumat yang sukar dijumpai bagi menyempurnakan tajuk kajian yang dilakukan. Antara lama web yang selalu diguna pakai oleh pengkaji ialah yang mudah diakses bagi mendapatkan maklumat ialah laman web seperti Google Scholar, Scribd, Academia dan sebagainya lagi. Kebanyakan pengkaji menggunakan laman web Google sebagai satu kaedah rujukan daripada penulis yang sah.


## 3.6 Pensampelan Data

Teknik pensampelan data terbahagi kepada dua kategori iaitu pensampelan kebarangkalian dan pensampelan tidak kebarangkalian. Teknik pensampelan data yang digunakan oleh pengkaji ialah teknik bukan kebarangkalian atau teknik “snowball” (Nurdiani, 2014). Teknik “snowball” ini dapat memberikan maklumat kepada pengkaji tentang Muzium Warisan India Pulau Pinang dengan mendapatkan maklumat daripada pihak kakitangan muzium yang terlibat. Teknik snowball ini akan memudahkan pengkaji untuk mengenalpasti siapakah pihak yang bakal disoal selidik sebagai contoh pengkaji akan menemubual pihak yang menguruskan Muzium Warisan India ini. Seterusnya, pengkaji akan merujuk kepada maklumat

pertama sehingga data-data yang dikumpul lengkap bagi menjawab kesemua persoalan kajian dan objektif kajian ini.

### 3.7 Analisis Data

Analisis data merupakan proses untuk mengubah data kepada kesimpulan secara formal. Analisis data adalah satu cara mengumpulkan dan mengubah data menjadi informasi. Data-data diperoleh daripada pendekatan akan diproses, dianalisis dan diubahsuai untuk dijadikan kesimpulan kajian pengkaji. Analisis data ini ialah satu proses dimana pengkaji Menyusun semula data-data yang lengkap dan betul supaya di akhir kajian ini dapat membuktikan kajian ini kukuh dan sah.



Rajah 3.7 : Proses Analisis Data

Sumber: Clarke & Braun (2006)

Rajah 3.7 menunjukkan analisis data oleh Clarke & Braun 2006 (Anderson et al., 2014). Langkah pertama yang dilakukan oleh pengkaji ialah dengan melakukan proses transkrip data iaitu memindahkan sumber data yang diperolehi melalui rakaman perbualan kepada bentuk penulisan yang penuh. Pengkaji akan menulis ayat yang jelas dan tersusun bagi memudahkan pengkaji untuk mengetahui yang mana satu ulasan pertama yang harus diletakkan dalam kajian.

Selepas dari itu, pengkaji akan membuat pembacaan semula mengikut kepada setiap penulisan dan informasi maklumat yang diperolehi dan siap dipindahkan ke dalam kajian dan haruslah dibaca berulang kali bagi informasi yang ditulis tidak lari daripada jawapan yang didapati daripada responden. Setiap analisis data yang dilakukan, pengkaji haruslah meneliti dengan lebih terperinci agar ayat yang disusun akan mudah difahami oleh pembaca. Disamping itu juga pengkaji harus membuat pemeriksaan semula setiap penulisan yang sudah diubah daripada audio ke dalam penulisan supaya maklumat yang didapati relevan dengan informasi yang ditulis dalam penulisan tersebut.

Kaedah analisis yang selanjutnya ialah pembacaan dan penentuan data dan mengkategorikan data yang diperolehi mengikut kepada pembahagian kajian kumpulan yang sesuai. Pembahagian data yang diperolehi ini dapat memudahkan pengkaji memperolehi jawapan bagi setiap objektif kajian yang dilakukan. Penyusunan data ini perlu mengikuti kategori yang bersesuaian dengan dengan persoalan kajian. Akhir sekali, proses analisis yang terakhir yang akan dilakukan oleh pengkaji ialah proses triangulasi melalui sumber yang data yang diperolehi, Teknik metodologi kajian, teori yang diguna pakai sepanjang kajian ini dilakukan bagi menyakinkan kajian ini berhubung kait dengan kesahihan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Sumber seperti sumber internet, sumber surat khabar online, jurnal, thesis dan sebagainya ini dapat digabungkan melalui hasil temuramah.

### 3.8 Penutup

Pengkaji berharap dengan adanya kajian seperti ini dapat memberi sedikit maklumat dan pengetahuan kepada pembaca tentang tajuk kajian ini. Koleksi yang terdapat muzium merupakan satu khazanah warisan budaya yang melambangkan identiti sesebuah negara. Muzium Warisan India merupakan muzium yang menarik untuk pelancong melihat bagaimana pihak muzium ini mengumpul koleksi-koleksi lama barangan yang digunakan oleh masyarakat India pada zaman dahulu. Pengurusan koleksi barangan warisan ini dapat membantu dalam memastikan koleksi barangan warisan ini dapat dijaga dan dipelihara. Proses analisis data yang diperoleh daripada kajian penyelidikan ini dapat membantu pengkaji dalam merumus berkaitan kajian yang dikaji.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan mengenai proses dapatan kajian, kajian kualitatif dan juga hasil daripada temubual. Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci berkenaan dengan tajuk kajian dan juga hasil daripada dapatan kajian. Pengkaji turut mencatat, merekod, dan juga telah menganalisis keseluruhan data yang dikumpul. Setiap data yang terkumpul telah dihuraikan mengikut objektif-objektif kajian oleh pengkaji.

#### 4.1 Bentuk perolehan koleksi di Muzium Warisan India di Pulau Pinang.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bentuk perolehan artifak yang terdapat di Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Kajian ini juga telah menerangkan secara terperinci mengenai pelaksanaan Muzium Warisan India dalam mengetahui bagaimana sesebuah koleksi itu diperolehi. Pengkaji telah menjalankan temubual bersama dengan Encik Prakash yang merupakan pemilik kepada Muzium Warisan India di Pulau Pinang bagi menjawab persoalan objektif ini.

Koleksi yang terdapat di sesebuah muzium tersebut diperolehi melalui pelbagai cara antaranya ialah penyelidikan di lapangan, hadiah atau wakaf, pembelian, wasiat dari individu tertentu, keluarga atau pertubuhan yang telah menamakan institusi muzium tertentu sebagai pengamanah koleksi-koleksi tertentu. Setiap muzium mempunyai barangan koleksi mereka jika tiada koleksi tidaklah sesebuah muzium tersebut digelar sebagai muzium. Selain itu, muzium juga memperolehi pelbagai jenis koleksi lain seperti warisan sejarah, kebudayaan dan juga alam semula jadi. Terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan oleh institusi muzium bagi




mendapatkan artifak untuk dipamerkan antaranya ialah pinjaman, derma, pembelian, wasiat dan sumber sumber lain. Menurut Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), pengurusan koleksi di muzium harus dibuat dengan teliti dan sempurna mengikut kepada piawaian yang betul yang membawa maksud setiap barangan koleksi yang diperolehi haruslah mengikut kepada susunan yang teratur yang bermula daripada peringkat awal perolehan koleksi sehinggalah kepada peringkat akhir iaitu pameran. Dalam sesebuah muzium juga pengurusan koleksi merupakan sebuah perkara yang penting yang harus diberikan perhatian (Mohd Joseph,2022). Oleh itu, kajian ini akan mengupas dengan lebih jelas berkaitan dengan kaedah perolehan yang dilakukan oleh pihak Muzium Warisan India di Pulau Pinang.

Perolehan artifak yang digunakan oleh Encik Prakash bagi mendapatkan barangan artifak untuk dipamerkan di muzium beliau ialah kaedah pembelian dan juga wakaf. Encik Prakash mengambil dua kaedah sahaja bagi mendapatkan perolehan artifak bagi muzium beliau. Hal ini kerana, muzium beliau merupakan muzium hak milikan peribadi sendiri. Oleh itu, segala bentuk perolehan artifak yang dilakukan oleh beliau secara persendirian tanpa melibatkan pihak luar.

#### 4.1.1 Pembelian

Proses pembelian ialah proses yang kebiasaannya digunakan oleh institusi muzium bagi mendapatkan sesuatu koleksi. Pembelian juga mempunyai proses dan juga prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan itu sendiri. Akan tetapi prosedur yang dijalankan oleh Encik Prakash adalah tidak sama dengan prosedur yang ditetapkan oleh jabatan. Hal ini dikatakan kerana muzium yang ditubuhkan oleh Encik Prakash adalah muzium yang tidak mementingkan keuntungan. Oleh itu, prosedur yang dijalankan oleh Encik Prakash sedikit berbeza berbanding prosedur yang dijalankan dibawah Jabatan Muzium Malaysia. Carta aliran bagi proses pembelian ini boleh dirujuk melalui rajah 4.1 di bawah.



Rajah 4.1 : Aliran Perolehan Secara Pembelian

Berdasarkan rajah 4.1 di atas menerangkan secara terperinci bagaimana kaedah yang digunakan oleh pihak muzium dalam mendapatkan barangan koleksi mereka. Pengkaji mendapatkan informasi berkaitan perolehan artifak ini daripada pengurus Muzium Warisan India di Pulau Pinang.

“Ya, sebab barang ini saya buat koleksi selepas 13 tahun. Saya start dengan koleksi mangkuk tingkat jadi saya ada dekat 400 biji mangkuk tangkat. Masa pergi cari mangkuk tingkat ini mereka juga tanya nak beli talam ke nak beli benda -benda lain mengenai kaum India. Jadi isteri saya bagi pendapat why not kita beli untuk masa

hadapan kalau mahu buat dekorasi setup atau apa apa boleh. Dari situ kita beli. Dari satu kita beli jadi dua tiga dan bertambah tambah tambah sehinggalah kita dapat buat koleksi di sini.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Berdasarkan petikan informan di atas, Encik Prakash memulakan koleksi beliau dengan mengumpul barangan koleksi mangkuk tingkat. Barangan koleksi mangkuk tingkat beliau telah dikumpul sebanyak 400 biji mangkuk tingkat. Encik Prakash memulakan koleksi beliau dengan mengumpul barangan mangkuk tingkat terlebih dahulu baru diikuti dengan barangan koleksi yang lain. Isteri beliau memberikan pendapat kepada Encik Prakash untuk mempelbagaikan lagi barangan koleksi beliau seperti membeli talam, barangan sembahyang, dan lain lain lagi untuk dipamerkan di muzium mereka. Dari situ Encik Prakash mula membeli barangan koleksi beliau dari penjual barangan antik.

“Ya dari situ sekarang sudah jadi macam ni la. Sekarang kita ada dekat sini 2500 barang. Koleksi ini dari seluruh Malaysia jadi kita merantau dulu masa saya ajar dekat KDU selalu ada conference tourism punya yang berkaitan jadi mana mana saya merantau saya akan agihkan dalam tiga jam atau empat jam dalam sehari untuk mencari barang-barang macam ni.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Selain itu, Encik Prakash juga ada menyatakan bahawa sewaktu beliau mengajar di KDU terdapat beberapa persidangan pelancongan yang berkaitan dengannya, beliau akan mengambil masa dalam tiga jam ataupun empat jam dalam sehari untuk keluar mencari barangan koleksi untuk dipamerkan dalam muzium beliau.

“Okay, kebiasaannya kita dapat tahu barang ini melalui antik koleksi ataupun penjual antik jadi mereka tahu mana mana barang. Kita selalu bagitahu dekat mereka yang saya cari barang ini, kita cari barang itu jadi mereka sebagai penjual antik mereka tahu ini barang ada dekat sini, ini barang ada dekat sana. Jadi selepas mereka confirm itu barang ada di sana mereka akan telefon kita. “Rakash barang ini ada kat tempat ni jadi dia ada jual awak datang bincang berapa dengan dia lepastu bagi upah. Jadi kita pergi kita bincang.

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Kenyataan di atas menyatakan bahawa Encik Prakash banyak memperolehi barangan koleksi beliau dari penjual antik koleksi yang lain. Kebanyakan penjual barangan antik koleksi ini mempunyai serba sedikit maklumat berkaitan dengan koleksi yang ingin dicari oleh Encik Prakash. Sebelum Encik Prakash ingin membeli sesuatu barangan antik tersebut, beliau akan bertanya terlebih dahulu berkenaan dengan barangan yang ingin dibeli kepada penjual atau pengumpul barangan koleksi tentang dimana barangan tersebut boleh didapati. Kebanyakan pengumpul barangan antik ini merupakan kenalan daripada Encik Prakash sendiri. Selepas mereka mendapati bahawa barangan tersebut berada di sesuatu tempat, mereka akan terus berurusan dengan Encik Prakash berkenaan dengan barangan koleksi yang ingin dibeli oleh beliau.

“Ya on the spot. Normally mereka akan hantar gambar mereka akan tanya eh Prakash you minat ka ini jadi saya pun check kalau saya minat saya kata okaylah on. Jadi dia ni duduk dekat butterworth jadi dia datang sini dia cakaplah Prakash saya dah bawa barang. Bergantung kalau saya cakap kita jumpa dekat town kita jumpa kalau tadak saya cakap saya busy satu orang juga sini tadak orang mereka akan hantar sini terus”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Kenyataan di atas menyatakan bahawa, selain daripada Encik Prakash mencari barangan tersebut, terdapat juga beberapa penjual barangan antik yang ingin menjual barangan mereka

kepada beliau. Penjual tersebut akan menghubungi Encik Prakash melalui secara talian dan membuat rundingan berkenaan dengan barangan yang ingin dijual kepada beliau. Sebagai contoh yang diberikan oleh beliau, penjual tersebut berada di sekitar kawasan Pulau Pinang sahaja dan sekiranya Encik Prakash bersetuju untuk membeli barangan antik tersebut penjual tersebut akan menghantar terus barangan itu ke muzium beliau.

“Saya selalu minta pendapat daripada kenalan yang lain sama ada barangan yang ingin dibeli agak berbaloi ataupun tidak dari segi harga kualiti dan sebagainya. Sebelum saya beli barangan koleksi tersebut saya akan bertanya terlebih dahulu mengenai latar belakang barangan tersebut, nilai barangan tersebut dan sebagainya lagi. Kalau barang tersebut cantik dan saya berpuas hati saya akan membelinya terus.

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Kenyataan di atas menyatakan bahawa sebelum membeli sesuatu barangan tersebut Encik Prakash akan meminta pendapat daripada kenalan antik koleksi beliau ataupun daripada penjual barangan antik yang lain. Hal ini demikian kerana beliau ingin memastikan bahawa barangan koleksi yang akan dibeli beliau adalah berbaloi ataupun tidak dari segi harga dan sebagainya. Jikalau barangan tersebut berbaloi dari segi harga beliau akan membeli terus.

Jadi dia kata barang tu RM200 jadi kita nego cuba murah dan kalau dia bagi RM180 jadi kita beli selepas itu kita bagi upah dekat orang yang memperkenalkan dekat kita jadi dekat situ kita bawa balik barang itu. Biasa saya bawa saya punya kereta Hilux tengok barang apa yang saya nak beli kalau boleh masuk dalam kereta saya bawa pergi kereta kalau barang besar akan gunakan Hilux.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Seterusnya, selepas mendapati bahawa barangan tersebut berada di sesuatu tempat, Encik Prakash akan membuat perjumpaan dengan penjual tersebut dan membuat rundingan harga dengan penjual koleksi tersebut sebagai contoh barangan koleksi tersebut bernilai RM200 Encik Prakash akan membuat rundingan dengan penjual tersebut untuk menjual dengan harga RM180. Selepas kedua – dua belah pihak bersetuju dengan harga rundingan tersebut baru Encik Prakash akan membelinya. Di samping itu, Encik Prakash akan memberi sedikit ganjaran duit kepada mereka yang sudi membantu beliau dalam mencari barangan koleksi yang diinginkan sebagai tanda terima kasih. Selanjutnya, barangan koleksi tersebut akan dibawa pulang dengan menaiki kereta beliau sahaja dan jikalau terdapat barangan koleksi tersebut bersaiz besar, beliau akan menaiki kereta yang lebih besar agar koleksi tersebut tidak rosak dan tercalar.

“Biasa saya ada macam kenalan setiap tempat jadi masa mereka ada bagitau ada barang macam-macam ni jadi saya akan minta mereka pergi tengok okay you pergi tengok sebab mereka pun antik koleksi juga jadi mereka akan pergi tengok eh Prakash barang ni cantik memang tak rosak apa apa jadi baru saya akan deal kalau saya boleh pergi saya akan pergi.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Setiap urusan pembelian barangan koleksi di Muzium Warisan India di Pulau Pinang ini akan dilakukan sepenuhnya dan secara persendirian oleh Encik Prakash sendiri. Sekiranya berlaku masalah seperti beliau tidak dapat membeli barangan tersebut secara sendiri beliau akan meminta pertolongan daripada rakan kenalan beliau yang terdekat untuk melihat mahupun membuat tinjauan terhadap barangan tersebut.

“Setiap satu barang disini 100% barang saya, saya beli dengan duit poket. Sebab part time saya kerja dekat kolej kan. So dari situ saya

beli. Yang ini kira hobi saja. On the spot and tengok harga juga kalau contoh macam harga barang itu dia dalam RM5K atau RM6K saya dalam minta dua hari untuk siapkan duit itu jadi bagi masa saya dua hari. Macam dalam RM1K saya akan on the spot.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Kenyataan di atas menyatakan bahawa hasil barangan koleksi yang dibeli ialah daripada hasil duit beliau yang bekerja sambilan sebagai pensyarah di “Part Of The University Of Wollongong Australia Global Network Malaysia KDU Penang University Collage (KDU).” Kebanyakan barang tersebut akan dibeli secara tunai oleh Encik Prakash. Beliau juga ada menyatakan bahawa sekiranya barangan yang ingin dibeli beliau bernilai harga yang tinggi beliau akan mengambil masa dalam 3 hari untuk mengumpul duit untuk membeli barangan tersebut. Selain itu juga Encik Prakash ada menyatakan bahawa beliau menggunakan sepenuhnya duit hasil beliau tanpa ada sebarang sponsor mahupun bantuan dari orang luar. Menurut Abdul, sistem pengurusan koleksi banyak memerlukan penglibatan daripada tenaga kerja dan juga sumber kewangan. Sumber tenaga kerja salah satunya ialah memastikan koleksi diuruskan dengan baik mengikut piawaian yang tepat. Dari segi kewangan ialah memainkan peranan sebagai menggerakkan tenaga kerja bagi menguruskan sesuatu barangan koleksi (Shaik Azahar Shaik Hussain, 2021).

“Sampai sekarang kalau katakan barangan antik Pulau Pinang nombor satu. Banyak barang even sealer yang besar-besar di Kuala Lumpur mereka akan datang di Pulau Pinang mereka beli dari sini pergi sana jual. Kebanyakan barang saya akan dapat dekat Pulau Pinang selain Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor. Johor pun banyak memang barang banyak. Jadi Johor paling jauh walaupun saya pernah barang di Singapore traveling UK. Memang

saya beli traveling banyak kan jadi saya tengok apa apa barang yang related memang itu saya akan beli. Kebanyakan barang itu mangkuk tingkat. Kebiasaan barang yang saya cari itu maksimum 90% lebih kebaikan dia. Saya selalu tak beli barang yang macam dah rosak saya tak berani beli. Jadi saya cari pun barang yang hampir 90% ke atas keadaan dia cantik pasal itu saya tidak masalah dengan barang rosak ka macam tu.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Kebanyakan barangan koleksi yang diperolehi oleh beliau ialah di negeri Pulau Pinang selain itu juga beliau memperolehi barangan koleksi di Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor. Kebiasaan Mr. Prakash akan mencari barangan koleksi yang keadaan barangan tersebut berada dalam tahap maksimum 90% lebih dan beliau tidak akan membeli barangan yang sudah rosak mahupun barangan yang tidak boleh diguna pakai.

“Bergantung. Barang warisan india saya akan beli juga tapi saya punya koleksi dekat rumah saya beli macam barang-barang kenangan Malaya. Macam semalam saya beli ini. Saya suka tin hacks, tahun 60-an sekarang plastic kan. Tahun 60-an tin hacks tu tin jadi saya suka barang-barang Malaya kenangan Malaysia. Jadi buatan Malaysia untuk Malaysia jadi saya akan beli barang-barang macam ni. Certain barang saya tak letak sini yang tu memang personal punya saya simpan di rumah jadi dia bergantung juga.”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)


Menurut informan di atas, beliau menyatakan bahawa setiap barangan yang dibeli kebanyakannya berkait dengan warisan India. Selain itu juga beliau akan membeli barangan Malaya untuk koleksi peribadi beliau di rumah sebagai contoh barangan Malaya yang dibeli oleh



beliau ialah tin coklat “Hacks” pada tahun 60-an. Seseengah barangan koleksi peribadi beliau tidak kesemuanya letak di muzium ada juga terdapat di rumah beliau.

#### 4.1.2 Wakaf

Proses pemberian melalui wakaf juga merupakan salah satu kaedah perolehan koleksi. Pemberian secara wakaf ini merupakan satu pemberian secara percuma daripada seseorang kepada seseorang. Seseengah barang yang diwakafkan ialah barangan yang kebanyakan mereka tidak menggunakannya lagi oleh itu mereka akan mewakafkan barangan tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab dalam menjaga barangan koleksi itu. Proses tersebut boleh dilihat dalam rajah 4.2 di bawah.



Rajah 4.1.1: Proses Perolehan Artifak Secara Wakaf

Berdasarkan rajah 4.1.1 di atas menerangkan kaedah perolehan artifak secara wakaf. Informasi di atas diperolehi daripada pengurus Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Setiap barangan yang diwakafkan akan mengikut kepada susun rajah dia atas.

“Kebiasaannya kalau mereka nak hantar barang mereka akan telefon pejabat. Telefon pejabat dan mereka akan tanya okay kita nak bagi macam mereka hantar tadi. Jadi mereka akan tanya kita ada barang ini kita nak hantar jadi kita ada form jadi dalam form itu kita akan suruh mereka isi nama semua apa apa dan kita akan tulis dalam itu juga kondisi barang itu macam mana pecah ka retak ka okay ke jadi kita akan tulis and suruh mereka tandatangan. Jadi dalam form itu kita akan tanya you want to donate ini as permanent ka atau you nak bagi macam temporary lebih setahun saya nak ambil balik lepas 6 bulan saya nak ambil balik. Pilihan mereka. Jadi saya tanya berapa lama you nak wakaf kekal atau tak. So kekal jadi saya ambik. So kebiasaannya mereka tak langsung pakai. Ya yang tadi diorang wakaf dua barang dekat sini. Jadi saya tanya berapa lama you nak wakaf kekal atau tak. So kekal jadi saya ambik. So kebiasaannya mereka tak langsung pakai”

(Informan1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Berdasarkan petikan diatas, Encik Prakash menyatakan bahawa setiap barangan yang ingin diwakafkan akan melalui proses iaitu mengisi borang wakaf. Beliau akan bertanya terlebih dahulu kepada si pewakaf sama ada mahu mewakafkan barangan koleksi mereka secara kekal ataupun sementara. Setiap barangan yang ingin diwakafkan perlu menghubungi pejabat Lembaga Wakaf Hindu terlebih dahulu. Setiap barangan yang ingin diwakafkan perlu mendapatkan persetujuan daripada kedua dua belah pihak terlebih dahulu. Sebelum mengambil barangan yang di wakaf, pewakaf perlu mengisi borang terlebih dahulu yang mengandungi keadaan barangan yang diwakafkan, tandatangan pewakaf dan sebagainya.

Di dalam borang tersebut terdapat isi yang menyatakan bahawa pewakaf ingin mewakafkan barang tersebut selamanya ataupun mempunyai tempoh masa tertentu. Setiap

barangan yang diwakafkan Encik Prakash akan meneliti terlebih dahulu dari segi keadaan barangan koleksi tersebut sama ada masih rosak ataupun tidak. Beliau juga menyatakan bahawa setiap barangan yang diwakafkan di muzium beliau merupakan barangan wakaf secara kekal kerana si wakaf tidak mahu menggunakan barangan koleksi tersebut oleh itu barangan koleksi tersebut diserahkan secara kekal kepada Encik Prakash. Muzium sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran yang tidak formal. Muzium juga dianggap sebagai “universiti terbuka” melalui barangan yang dipamerkan dan dipertontonkan oleh masyarakat luar dan dapat memberikan masyarakat mengenali budaya dan bangsa sendiri (Hussin, 2016).

“Free saja. Sebab kebanyakan barang yang ada disini sudah ada jadi macam barang ini semua memang mereka tidak guna dirumah mereka hantar jadi biasanya kalau mereka datang kadang-kadang ada tanya juga kita ada barang you nak beli tak? Saya beli terus. Berbanding dari saya pinjam sini pinjam sana saya takut kalau apa apa jadi dia kata hang yang pinjam hang yang rosak bayar jadi saya tak mahu isu itu jadi kebiasaan orang yang datang beli saya akan tanya you mau jual saya beli senang you pun settle saya pun settle saya biasa macam tu.”

(Informan 1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Setiap barangan koleksi yang ingin diwakafkan ataupun diletakkan di dalam muzium beliau dalam tempoh masa tertentu, Encik Prakash tidak akan mengambil sebarang bayaran terhadap barangan tersebut. Kebanyakan barangan yang diwakafkan dari mereka ialah barangan yang mereka tidak guna dirumah. Oleh itu, mereka akan mewakafkan barangan tersebut secara kekal di dalam muzium. Encik Prakash lebih berminat untuk membeli barangan berbanding pinjam barangan koleksi daripada orang lain.

“Kalau benda yang sama design yang sama saya takkan ambil. Ya saya akan ambil tapi biasa saya beli saya tak amek sebab macam

mangkuk tingkat koleksi saya sendiri dan saya tuli mengenai mangkuk tingkat buku jadi biasa kalau mangkuk tingkat saya akan beli terus walaupun dia akan cakap wakaf pun. Wakaf tu memang kurang la dalam seribu 1. Macam benda itu memang tak boleh pakai memang mereka akan wakaf kalau mereka tau benda itu saya boleh buat duit mana ada orang nak wakaf walaupun tengok haritu saya ada tanya contoh kawan ini dia ada muzium dekat senawang jadi saya ada projector sini yang tunjuk punya pawangan punya gambar kan jadi dia pose poster ini tahun 70-an dekat cinema mereka lekat. Saya tanya morning bang tanya poster ni juai ka ni poster pawangan. Jual. Satu poster RM1500 ini pun sama juga satu poster RM1500 jadi kebiasaan kalau saya bawa barang pinjam sini rosak saya takut. Jadi saya biasa saya beli. Okay RM1500 kalau saya boleh beli saya beli.”

(Informan 1, 12 November 2022, kajian lapangan 2022)

Encik Prakash mengatakan bahawa jikalau terdapat barangan yang ingin diwakafkan seperti mangkuk tingkat, beliau akan membelinya terus akan tetapi kalau bentuk dan corak yang sama beliau takkan mengambilnya. Selain itu, beliau juga ada menyatakan bahawa sukar untuk beliau mendapat barangan wakaf daripada orang luar umpama seribu dalam satu. Selanjutnya, beliau mengatakan bahawa jikalau barangan wakaf tersebut tidak boleh diguna pakai baru mereka akan mewakafkan kepada beliau.

Akhir sekali, setiap barangan yang diwakafkan akan dituliskan nama si wakaf dan juga sejarah mengenai barangan tersebut. Setiap barangan tersebut akan dilabelkan label tersebut akan diletakkan di setiap barangan koleksi yang diwakafkan.

#### 4.1.2 Wasiat

Sumber sumber lain yang diperolehi oleh Encik Prakash ialah barangan warisan dari turun temurun keluarga beliau. Misalnya tembikar, tempat masak air, dan sebagainya yang telah dipamerkan oleh Encik Prakash di dalam muzium ini. Barangan koleksi yang dipamerkan di Muzium Warisan India ini juga merupakan barangan koleksi dari warisan turun temurun. Encik Mahalinggam yang merupakan salah seorang pekerja yang berkerja di Lembaga Wakaf Hindu ini merupakan seorang yang minat dengan barangan koleksi.

Salah satu barang yang amat saya cinta barang hantaran mak saya di 1920 dari Tamil India ke sini dan masih lagi saya simpan dan simpan disini juga. Barang-barang hantaran perkahwinan dia.

(Informan 2, 20 Januari, kajian lapangan 2023)

Selain itu juga, Encik Mahalinggam juga ada menyimpan barangan yang di warisi oleh keluarga beliau. Antara barangan koleksi warisan turun temurun yang terdapat dalam koleksi Muzium Warisan India beliau ialah barangan hantaran perkahwinan mak beliau pada tahun 1920 dari Tamil India ke sini. Encik Mahalinggam juga merupakan seorang yang minat dengan sejarah dan juga barangan – barangan lama. Oleh itu, beliau merupakan “assist” Encik Prakash dalam menguruskan muzium beliau.

#### 4.2 Proses pengurusan perolehan koleksi di Muzium Warisan India di Pulau Pinang.

Proses pengurusan koleksi yang dijalankan di muzium ini sedikit berbeza dengan muzium yang lain kerana muzium ini merupakan muzium hak pemilikan sendiri. Segala proses pengurusan koleksi yang terdapat di muzium ini ialah dilakukan secara persendirian oleh Encik Prakash sendiri. Semasa menjalankan sesi pemerhatian ke Muzium Warisan India di Pulau

Pinang ini pada 12 November 2022, pengkaji mendapati bahawa di Muzium Warisan India di Pulau Pinang ini memiliki pelbagai jenis koleksi barangan warisan seperti mangkuk tingkat, tembikar, tempayan, batu lesung dan sebagainya lagi. Kebanyakan barangan koleksi yang terdapat di muzium ini ialah barangan yang biasanya di pakai oleh masyarakat pada zaman dahulu. Muzium ini mempunyai pelbagai barangan koleksi yang menarik dan unik kerana beliau gemar mengumpul barangan yang digunakan oleh masyarakat kaum India pada zaman dahulu.

#### 4.2.1 Penyimpanan Barangan Koleksi

Encik Prakash juga ada menyimpan barangan koleksi beliau di dalam rak dan juga di luar rak. Setiap barangan beliau akan disusun mengikut kategori barangan tersebut seperti kawasan A di letakkan barangan seperti mangkuk tingkat manakala di kawasan B akan diletakkan barangan koleksi seperti tembaga dan sebagainya lagi. Setiap barangan tersebut akan diletakkan di dalam satu set yang sama.

“Kebanyakannya yang simpan dalam rak ialah barang-barang kecil jadi orang boleh senang ambil yang luar ini semua memang yang besar besar memang orang nak ambil pun. Sebab saya satu orang yang jaga kan kalau crowd dia datang saya kena berdiri sana jadi sini dia kosong jadi disebabkan itu saya simpan barang-barang kecil dalam kabinet. Nombor dua yang barang-barang memang macam inamel warna biru biru itu kan periuk mangkuk itu semua dia patut kena dalam almari. Baru nampak cantik baru nampak attractive.”

(Informan 1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023)

Menurut informan di atas mengatakan bahawa, beliau akan menyimpan barangan koleksi yang bersaiz kecil di dalam rak almari berkaca. Hal ini kerana barangan bersaiz kecil sangat mudah diambil oleh orang jikalau barangan tersebut berada di luar atau meletakkannya di luar

rak. Tambahan pula barangan bersaiz kecil sangat sesuai diletakkan dalam almari kerana barangan tersebut akan menjadi lebih cantik apabila diletakkan di dalam rak almari yang berkaca. Selain itu juga, cara penyimpanan bagi barangan yang bersaiz besar, Encik Prakash akan meletakkan barang tersebut di suatu sudut yang sesuai.

“Yang dekat sini almari yang kedua itu. Jadi yang tu semua barang inamel jadi letak dalam cermin memang dia naik attract dia cantik sikit ja. Itu ja reason dia”

(Informan 1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023,)

Encik Prakash ada mengatakan bahawa barangan koleksi tembikar beliau akan diletakkan di dalam satu rak yang besar. Cara penyimpanan barangan tembikar di dalam rak almari dapat menjadi barangan koleksi tersebut terlihat lebih cantik dan tersusun. Hal ini dapat menarik perhatian pengunjung terhadap cara penyusunan barangan koleksi Encik Prakash.

#### 4.2.2 Proses Penjagaan Koleksi

Penjagaan koleksi adalah pertimbangan utama dalam memberikan perlindungan objek dengan selamat daripada kerosakan atau kerugian. Prose penjagaan koleksi perlu dilakukan secara berkala (Hussain, 2021). Bukan itu sahaja, dari segi suhu, pemeliharaan dan pemuliharaan dalam aspek penjagaan koleksi juga perlu diketahui oleh pihak pengurusan muzium (Norsimah Binti Lakassa, 2007). Hal ini dikatakan demikian kerana segala koleksi dalam muzium hendaklah dijaga daripada berlaku kerosakan.

Penjagaan koleksi ini juga sangat penting terhadap beliau untuk menjaga daripada kerosakan yang berlaku. Encik Prakash juga menyatakan bahawa beliau juga tidak begitu experience tentang penjagaan tetapi apabila dia mendapatkan sesuatu koleksi daripada

“collector” lebih dari satu, “collector” itu sendiri ajar Encik Prakash untuk menjaga koleksi daripada kerosakan.

“ Kalau banyak time kita kena discuss dengan collector. Diorang akan bagitau you kena jaga macam ni macam ni sebab diorang lagi experience. Sebab start dulu pon saya tak experience. Sebab I pon baru kan. Lepas you dah beli tiga empat barang baru dia akan mula mula share cara nak jaga barang macam mana I nak tengok barang itu original atau duplicate, macam mana nak tengok dia punya details baru dia ajar”

(Informan 1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023,)

Secara rumusnya, pengkaji setuju dengan informan satu bahawa setiap penjagaan koleksi hendaklah dibelajar daripada “collector” yang sangat berpengalaman. Hal ini demikian kerana, muzium India ini merupakan muzium peribadi yang tidak mempunyai prosedur yang tetap dalam penjagaan koleksi melainkan muzium ini kepunyaan kerajaan. Oleh itu segala koleksi yang dikumpul oleh Encik Prakash hendaklah dijaga sendiri dengan adanya ilmu tentang penjagaan koleksi daripada orang yang berpengalaman.

Selain itu, pencemaran terhadap bahan kimia dan bunyi, kelembapan, suhu dan pencahayaan boleh merosakkan atau memusnahkan material barangan budaya yang disimpan, dilindungi dan yang dipamerkan dalam koleksi muzium. Misalnya cara penjagaan tembikar yang beliau gunakan adalah dengan mencuci tembikar tersebut dengan menggunakan asam dan limau.

“Biasanya barang tembaga nak jaga bukan susah sangat as long as jangan kena air. Itu ja dia punya ini. Kalau nak cuci pun pakai asam dengan limau cukup jangan pi macam pakai spray ke macam barang barang chemical kan? Dia akan rosak”

(Informan 1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023,)



Berdasarkan petikan diatas, beliau menjaga tembikar dengan mencuci barang koleksi setahun sekali dengan sendiri jika beliau mempunyai masa yang lapang. Hal ini demikian kerana, dalam muzium ini tidak mempunyai staff selain beliau dan isteri beliau. Cara penjagaan tembikar ini adalah sangat rumit. Oleh disebabkan itu, Encik Prakash menjaga dan mencucinya sendiri.

“ I buat sendiri. Lagi satu yang ini semua kena sikit tepi dia boleh retak sebab dia enamel. Ha dia macam satu layer je, so dia kena akan retak-retak. So dia sensitive nak jaga tu that’s why barang-barang macam ni dia tak sesuai untuk Asian”

(Informan 1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023,)

Akhir sekali, beliau mengatakan bahawa barangan warisan ini merupakan barangan yang lama dan mudah rosak. Oleh itu dari segi menguruskan barangan koleksi tersebut Encik Prakash akan menguruskannya dengan penuh ketelitian agar barangan tersebut tidak akan mengalami kerosakan.

#### 4.2.3 Pencahayaan

Setiap koleksi yang dipamerkan dalam muzium perlulah disimpan atau dijaga dengan baik. Hal ini demikian kerana, kecuaiian manusia itu sendiri yang meletakkan koleksi kepada pendendahan cahaya (UV dan IR) serta kelembapan dan pencemaran udara, serangan serangga dan makhluk perosak dapat mengakibatkan koleksi tersebut rosak (Zuraidah & Ab Samad, 2012). Menurut informan satu, beliau tidak menggunakan pencahayaan dalam penjagaan koleksi yang dipamerkan dimuzium itu.

“Ouhhh dalam tu..kalau normally kita boleh, tapi barang akan rosak cepat. Sebab dia punya censor tu kuat. Kalau you nak

pakai lampu tu you kena letak air di setiap sudut rak itu.  
Kalau tak, ada barang rosak lah”

(I1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023,)

Berdasarkan pernyataan di atas, beliau menjelaskan bahawa penggunaan cahaya yang terlampau tinggi akan mengakibatkan barang itu rosak cepat dan berlaku kerugian pada peringkat awal. Setelah itu, penggunaan cahaya tidak digunakan lagi oleh Encik Prakash.

“I kalau dulu masa start-start collect tu pon I buat macam itu juga.  
Letak lampu dah lama-lama satu set dia dah start pudar. Lepas I  
rasa tu kita baru tau nak belajar ini bukan senang...I rugi. Sebab  
kadang-kadang kita tak tau kita kena tipu. Barang duplicate kena  
tipu. Jadi dari kita belajar”

(I1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023,)

Secara rumusnya, pengkaji setuju dengan informan satu bahawa penggunaan cahaya dapat merosakkan koleksi jika salah menggunakan suhu pencahayaan. Menurut Zubaidah dan Ab Samad (2012) ia menjelaskan bahawa elemen-elemen yang dinyatakan dapat memendekkan jangka hayat sesebuah koleksi itu (Zuraidah & Ab Samad, 2012). Oleh itu penggunaan cahaya yang digunakan di dalam sesebuah muzium haruslah dititikberatkan agar koleksi artifak tersebut tidak mengalami kerosakkan dan tidak berlaku kerugian. Hal ini demikian kerana, muzium ini adalah muzium peribadi yang tidak mendatangkan keuntungan.

#### 4.3 Cabaran dalam pengurusan koleksi di Muzium Warisan India di Pulau Pinang.

Setiap proses dalam mengendalikan sesebuah muzium haruslah menghadapi pelbagai cabaran. Setiap cabaran yang dihadapi oleh institusi muzium adalah berbeza. Di dalam sesebuah muzium sangat mementingkan pengurusan yang bagus dan sistematik (Jabatan Muzium

Malaysia, 2022). Menurut Robiah 2003, pengurusan meliputi proses bagi tujuan sesuatu badan organisasi semasa pergerakan anggota yang terdapat dalam dalam organisasi dan menggunakan banyak kaedah agar tercapai matlamat. Pengurusan adalah sebuah seni yang dilakukan secara kerjasama untuk mencapai matlamat yang di tuju (Mary Parker Follett dalam Samuel (1996).

#### 4.3.1 Cabaran Dalam Mendapatkan Barangan Koleksi

Antara cabaran yang didapati oleh Encik Prakash sepanjang beliau menubuhkan Muzium Warisan India di Pulau Pinang ini ialah sukar untuk mendapatkan barangan koleksi.

“Dapatkan barang memang cabaran yang tinggi sebab kadang-kadang kita nampak satu barang kita akan pergi tanya dekat mereka dekat Kuala Lumpur. So pembelanjaan travelling, cuti so itu salah satu cabaran. Second cabaran saya mau letak barang ini permanent punya tempat saya memang tanya banyak orang ahli politik, banyak orang saya pergi minta, pergi bangunan istana ini, reason saya buat dia punya ini kan banyak orang reject. Hanya sini sahaja orang terima. Ini dua cabaran saja dalam financial dengan progress takde isu.”

(Informan 1, 12 November, kajian lapangan 2022)

Encik Prakash mengatakan bahawa ingin mendapatkan sesuatu barangan itu memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Encik Prakash harus bergerak ke tempat yang ingin dibeli itu sebanyak berulang kali. Hal ini sangat memberikan satu cabaran yang tinggi bagi Encik Prakash kerana beliau harus menghabiskan tenaga dan masa beliau bagi mendapatkan sesuatu barangan koleksi tersebut. Cabaran yang lebih tinggi pulak ialah beliau harus mengeluarkan perbelanjaan dari segi tempat tinggal di mana beliau harus membuat rundingan berulang kali terhadap penjual

barangan koleksi yang diinginkan. Oleh itu, beliau harus sedikit perbelanjaan yang lebih untuk mendapatkan sesuatu koleksi itu.

“Cabaran saya masa sebab simpan kat rumah you bawa keluar maka dua benda yang berlainan. So masa masuk sini saya punya cabaran nak complete satu set. Dekat rumah I simpan satu benda saja. Kalau you nak buat dekat muzium you kena letak satu complete set baru orang akan faham. Ini related ni related ni. So saya kena spend lebih sikit untuk dijadikan benda itu complete.”

(Informan 1, 12 November, kajian lapangan 2022)

Cabaran seterusnya yang Encik Prakash hadapi ialah ingin melengkapkan satu set barangan koleksi tersebut. Beliau mengatakan bahawa barangan yang disimpan di rumah beliau dan dikeluarkan masuk ke dalam muzium adalah dua benda yang berbeza. Semasa barangan koleksi sendiri di rumah, beliau tidak perlu untuk melengkapkan satu set barangan tersebut akan tetapi jikalau barangan koleksi tersebut ingin di pameran di muzium beliau harus melengkapkan setiap set barangan koleksi tersebut agar mudah difahami oleh masyarakat luar semasa melawat muzium beliau. Beliau juga memerlukan masa untuk mencari orang yang menjual barangan koleksi yang sama bagi melengkapkan barangan koleksi tersebut menjadi satu set yang lengkap.

“Yang ni saya beli dekat satu collector. Okay. Jadi dia buat apa dia polish dia pergi cat balik layker. Jadi pasai itu lepas dia cat layker kan dia akan retak. Lama-lama dia akan jadi retak macam ni. Nampak tak? Jadi itu is the problem. Jadi kalau tak cuci dia akan jadi ini colour. Lama lama dia akan jadi lagi hitam. Macam itu semua tengok. Suppose masa earlier production dia colour macam ni. Dia simpan oksidais dia akan jadi macam tu. Yang itu pun sama juga suppose tembaga merah copper patut ini colour yang ni mereka sudah polish dia spray balik pasal itu dia boleh maintain. Saya ingat yang ni pun saya beli dekat 12

tahun tapi still manners sebab dia spray. Kalau lama3 dia akan jadi macam ni. Dia punya shining punya level akan jadi pudar. Yang tu lebih baik daripada kita buat ini.”

(Informan 1, Muzium India Pulau Pinang, 20 Januari 2023)

Menurut informan di atas, beliau mengatakan bahawa setiap barangan koleksi yang dibeli terdapat juga beberapa kerosakan yang telah dilakukan oleh penjual barangan antik koleksi. Kerosakan yang dibuat oleh penjual barangan antik tersebut boleh membuat barangan warisan itu mengalami kerosakan dan tidak bertahan lama. Hal ini kerana perbuatan penjual barangan antik koleksi tersebut ingin melihat barangan yang dijual mereka berada dalam keadaan yang cantik. Akan tetapi penjagaan yang mereka lakukan ialah salah kerana barangan lama memerlukan penjagaan yang rapi tidak boleh membuatnya sesuka hati. Rajah 15 menunjukkan barangan koleksi yang terdapat dalam Muzium Warisan India. Di dalam rajah tersebut juga terdapat perbezaan warna tembikar itu yang menunjukkan warna barangan tersebut yang sudah pudar dan yang tidak pudar. Oleh itu, Encik Prakash mengalami cabaran dalam mendapatkan koleksi dalam keadaan kurang memuaskan.

#### 4.3.2 Cabaran Daripada Pengunjung

Pengunjung juga merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh Encik Prakash dalam menguruskan koleksi beliau. Pengunjung merupakan individu yang mengunjungi sesuatu tempat bagi melawat sesuatu tempat yang indah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

“Ya terlalu tinggi. stress memang stress. Sbb kadang-kadang parents tidak control diorang tahu ini muzium jadi kita kena jaga. satu benda jatuh pecah duit kata you org kaya berapa. okay 5 ribu saya bagi. Tapi saya pegang 5 ribu tu saya nak dapatkan barang itu balik susah. Pernah berlaku yang macam moto. Budak budak mereka datang

mereka suka pulas jadi memang dia rosak tapi kerosakan itu bukan masalah besar jadi saya tak kacau sangat dan kebiasaan kalau kita tahu budak budak datang saya akan ikut belakang dia sahaja. Kalau saya tidak pun abang ni akan ikut belakang ja kalau dia nak sentuh apa apa kita akan bagitau ibubapa kata barang lama. Oleh itu kita masih jaga.”

(Informan 1, 12 November, kajian lapangan 2022)

Seterusnya, Encik Prakash mengatakan bahawa pelawat juga merupakan satu cabaran bagi beliau dalam menguruskan Muzium Warisan India Di Pulau Pinang. Setiap pengunjung luar yang hadir Bersama anak mereka, mereka tidak mengawalinya dan membiarkan anak anak mereka berkeliaran di dalam muzium. Hal ini menyebabkan koleksi yang dipamerkan mudah terdedah terhadap kerosakan yang dilakukan oleh anak mereka. Misalnya, barangan koleksi jatuh dan pecah disebabkan oleh ketidaksengajaan pengunjung yang melanggar koleksi tersebut. Bagi Encik Prakash duit ganti rugi yang diberikan pengunjung tidak dapat mengembalikan koleksi atau artifak yang telah mengalami kerosakan itu kerana bagi beliau artifak itu mempunyai nilainya yang tersendiri.

“300 komen 400 komen 1 negatif. Okay negative oh barang ini takde jumpa itu juga negative. Maybe barang itu ada dekat dia rumah dulu dia pernah tengok barang itu tapi dia tak nampak sini. so mereka akan tulis barang ini tidak ada dekat sini. Tapi diorang kena fikir barang dapat saya akan letak. barang saya tak dapat. jadi itu satu ja negative komen. Barang itu boleh improve banyak barang. kita sini ada 2500 barang. barang yang ada diorang appreciate. Barang yang tidak Nampak diorang nak tanya. And why barang tu takde. Itu ja negative komen yang selalu kita dapat.”

(Informan 1, 12 November, kajian lapangan 2022)

Pernyataan di atas mengatakan bahawa Encik Prakash pernah mendapat komen negatif daripada pengunjung luar akan tetapi beliau tidak mengambil komen tersebut sebagai satu masalah yang besar. Antara salah satu komen negatif yang beliau dapat ialah pengunjung luar mengatakan bahawa mereka tidak melihat barangan yang pernah digunakan oleh nenek moyang mereka dahulu dan barangan tersebut tidak dipamerkan di muzium itu. Melalui komen ini Encik Prakash menjelaskan bahawa jika koleksi tersebut ada Encik Prakash akan mempamerkannya akan tetapi koleksi tersebut tidak dapat dipamerkan kerana tiada yang memberi kepadanya ataupun menjual koleksi tersebut kepada beliau. Oleh disebabkan itu beliau tidak dapat mempamerkan barangan yang dikatakan oleh pengunjung tersebut.

#### 4.3.3 Cabaran Dalam Penstafan

Setiap muzium mempunyai staff yang dapat membantu dalam menguruskan muzium dari segi memberi penerangan kepada pelawat mengenai barangan koleksi yang terdapat dalam muzium tersebut. Selain itu, kehadiran staff dapat membantu mengurangkan beban pengurus muzium dalam mengendalikan muzium seorang diri. Meskipun muzium yang ditubuhkan oleh Encik Prakash ialah muzium secara milikan peribadi akan tetapi beliau juga sangat memerlukan staff bagi mengendalikan muzium beliau. Beliau mendapat kesukaran dalam mengambil staff kerana beliau ingin mengambil staff yang berminat mengenai sejarah. Hal ini demikian kerana, beliau sukar untuk mencari staff yang berminat dengan sejarah, kebanyakan staff yang pernah bekerja di muzium beliau ialah mereka yang kurang berminat dengan sejarah dan kurang mengetahui barangan koleksi warisan India.

“Ya betul, satu orang memang tak boleh jaga sebab dari sini kita jaga sana orang dah pergi dah jadi awak kena explain juga jadi kalau dua staff senang sikit awak explain dekat Kawasan sini lagi satu orang

boleh explain dekat Kawasan sana jadi that's why kadang kadang macam abang ni dia mai selalu sebab kadang kadang dia free kan jadi dia Nampak ramai okay dia akan turun sekali jadi satu site saya jaga satu site dia jaga macam sabtu pun dia tak kerja harini di cuti jadi dia mai tolong juga.”

(Informan 1, 12 November, kajian lapangan 2022)

Selain itu, muzium ini juga mengalami cabaran dari segi kekurangan pekerja. Hal ini demikian kerana ketika ramai pengunjung yang mengunjungi muzium beliau tidak dapat melaksanakan tugas permuziuman secara serentak. Ini menunjukkan bahawa muzium Encik Prakash memerlukan pekerja yang mahir dalam bidang permuziuman bagi membantu beliau. Seperti yang kita tahu kebanyakan generasi muda kita kurang gemar untuk mengetahui sejarah-sejarah yang berkaitan dengan barangan warisan lama. Mereka menganggap bahawa perkara tersebut sesuatu yang remeh untuk diketahui.

### Penutup

Kesimpulannya, dalam bab ini telah menerangkan mengenai hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji juga telah merungkai di dalam bab ini mengenai objektif kajian pengkaji dengan hasil dapatan kajian daripada hasil temubual Bersama informan. Objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji ialah berkaitan dengan kaedah perolehan koleksi, pengurusan koleksi dan juga cabaran dalam menghadapi pengurusan Muzium Warisan India Di Pulau Pinang. Hasil temubual yang telah diperolehi daripada informan ini dapat dijadikan rujukan dalam penghasilan kajian penulisan pengkaji.



## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### 5.0 Pengenalan

Di dalam bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai cadangan dan kesimpulan yang pengkaji telah perolehi daripada hasil dapatan kajian yang dilakukan mengenai kajian tentang pengurusan Koleksi Muzium Warisan India Di Pulau Pinang. Kajian penyelidikan yang dilakukan ini telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk merasai pelbagai kaedah dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan benar. Kajian penyelidikan ini juga telah berjaya merungkai keseluruhan kajian dari bab 1 sehingga bab 5. Bagi cadangan yang akan dikemukakan bagi kajian ini ialah pengkaji akan menyatakan cadangan mengenai penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak Muzium Warisan India Di Pulau Pinang.

#### 5.1 Cadangan

##### 5.1.1 Penggunaan Teknologi Yang Terkini

Dalam memastikan muzium mendapat sambutan dan lawatan daripada pengunjung luar, pihak muzium boleh melaksanakan satu inisiatif yang unik dan menarik perhatian pengunjung luar dari kurang minat menjadi minat. Proses penambahbaikan sistem pengurusan muzium ini merupakan satu perkara yang penting yang harus dititikberatkan oleh pihak Muzium Warisan India di Pulau Pinang. Kaedah penggunaan teknologi terkini boleh dilaksanakan dengan menggunakan gajet seperti tablet mahupun membuat tayangan video di dinding. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja dapat menarik golongan daripada generasi muda malah penggunaan teknologi ini juga dapat memudahkan tugas pihak muzium dalam menerangkan setiap koleksi yang terdapat di

dalam muzium tersebut kepada pengunjung yang hadir. Di dalam penggunaan teknologi tersebut iaitu sebuah peranti, pihak muzium dapat menulis mengenai sejarah-sejarah mahupun perkara yang berkaitan dengan sesuatu barangan koleksi itu. Meskipun muzium ini merupakan muzium milikan peribadi akan tetapi pengurusan yang dijalankan oleh muzium ini haruslah mengikut peredaran arus pemodenan yang terkini.

Akhir sekali, penggunaan teknologi terkini dapat memberi kesan dari segi menjimatkan masa pihak muzium dalam menerangkan mengenai setiap barangan koleksi yang terdapat pada muzium tersebut. Hal ini juga dapat menarik minat pengunjung dan juga pengunjung luar untuk hadir ke muzium tersebut. Di dalam peranti tersebut, boleh diletakkan penerangan dengan menggunakan dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana, di negara kita terdapat kepelbagaian kaum selain dari kaum Melayu. Oleh itu, penggunaan dua bahasa ini memainkan peranan yang penting dalam institusi muzium tersebut. Tambahan pula, Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama di negara kita. Penggunaan teknologi terkini juga dapat mengurangkan penggunaan pekerja dalam bahagian pengurusan muzium.

#### 5.1.2 Menyertai Kursus Pengurusan Penjagaan Koleksi

Bahagian ini ialah untuk mencadangkan mengenai pengurusan penjagaan koleksi di muzium. Seperti yang kita tahu bahawa pengurusan merupakan sesuatu perkara yang penting bagi sesebuah muzium itu menjaga dan memelihara koleksi mereka dengan baik. Akan tetapi setiap pengurusan penjagaan koleksi haruslah dilakukan mengikut kepada kaedah yang betul dan tepat bagi mengelakkan barangan koleksi menjadi rosak dan akan menyebabkan kerugian terhadap pihak muzium. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa pihak muzium boleh mengikuti kursus kolaboratif Jabatan Muzium Malaysia

bersama persatuan muzium Malaysia. Setiap kursus tersebut akan dikenakan caj bayaran mengikut kepada setiap kursus yang ditawarkan (Jabatan Muzium Malaysia, 2023). Pihak muzium boleh mengetahui secara lanjut dengan membuka laman web rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Dengan mengikuti kursus ini, pihak muzium boleh menambahkan sedikit ilmu pengetahuan dalam menjaga dan kaedah menguruskan sesuatu barangan koleksi mengikut kepada kaedah yang betul. Selain itu, pihak muzium akan mengurangkan kesan kerugian terhadap barangan yang rosak akibat penjagaan koleksi yang tidak betul.

## 5.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, kesemua hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji iaitu mengenai Pengurusan Koleksi Muzium Warisan India Di Pulau Pinang telah merungkai kesemua soalan yang terdapat dalam kajian penyelidikan yang dilaksanakan ini. Tuntasnya, pengurusan koleksi yang sistematik dan teratur merupakan satu benda yang penting dalam menjayakan sesebuah muzium itu. Pengurusan barangan koleksi yang betul dapat menjadi barangan warisan tersebut lebih terjaga dan tahan lama. Hal ini dikatakan demikian kerana, barangan warisan lama ini merupakan sebuah barangan yang sudah lama dan mudah reput ataupun rosak. Oleh itu penjagaan barangan koleksi tersebut memerlukan penelitian yang tinggi agar barangan koleksi tersebut lebih tahan lama dan dapat dipamerkan untuk generasi yang akan datang

## RUJUKAN

Ambrose, T., & Paine, C. (2006). *Museum Basics : The International Handbook. Museum Basics.*

<https://doi.org/10.4324/9780203018989>

Anderson, C. A., Bushman, B. J., Bandura, A., Braun, V., Clarke, V., Bussey, K., Bandura, A., Carnagey, N. L., Anderson, C. A., Ferguson, C. J., Smith, J. a, Osborn, M., Willig, C., & Stainton-Rogers, W. (2014). Using thematic analysis in psychology Using thematic analysis in psychology. *Psychiatric Quarterly*, 0887(1), 37–41.

<http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/11752478>

Astro Awani. (2018). *Muzium Warisan India Pertama Di Malaysia.*

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muzium-warisan-india-pertama-di-msia-tarikan-baharu-di-ppinang-181411>

Biggerstaff, D. (2012). Qualitative Research Methods in Psychology. *Psychology - Selected Papers, May 2012.* <https://doi.org/10.5772/2410>

Danilov, V. J. (1992). *A Planning Guide for Corporate Museums, Galleries, and Visitor Centers.*

<https://docplayer.net/188783153-A-planning-guide-for-corporate-museums-galleries-and-visitor-centers.html>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Maksud Pengunjung.*

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengunjung&d=175768&>

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2017). *Maksud Metodologi.*

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metodologi>

Edwards, R. (2018). An Elaboration of the Administrative Theory of the 14 Principles of

Management by Henri Fayol. *International Journal for Empirical Education and Research*, 41–52. <https://doi.org/10.35935/EDR/21.5241>

Fahy, A. (1995). *Collections management*. 304.

Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(1), 17–23. <https://doi.org/10.47405/MJSSH.V1I1.3>

Huang, A. (2017). *Kajian kes*. <https://www.slideshare.net/kuku2107/kajian-kes-andrewhuang>

Hussain, S. A. S. (2018). Tanggapan masyarakat terhadap keboleh pasaran Muzium Negeri Kota Bharu Kelantan. *Researchgate.Net*, May. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.23530.62401>

Hussain, S. A. S. (2021). *Dasar Pengurusan Koleksi Sarawakian Di Pustaka Negeri Sarawak*. 4(2), 201–210.

Hussin, N. N. B. C. (2016). *Pengurusan Penjagaan Bahan Koleksi Pameran Di Institusi Muzium: Kajian Kes Di Muzium Negeri Kelantan*. Universiti Malaysia Sarawak.

Hutagulung, M. A. . (2016). “*Analisa Pembiayaan Gadai...*

[https://scholar.google.com.my/scholar?q=Hutagulung,+M.A.K.+\(2016\)+“Analisa+Pembiayaan+Gadai+Emas+Di+Pt.+Bank+Syari’Ah&hl=en&as\\_sdt=0&as\\_vis=1&oi=scholart](https://scholar.google.com.my/scholar?q=Hutagulung,+M.A.K.+(2016)+“Analisa+Pembiayaan+Gadai+Emas+Di+Pt.+Bank+Syari’Ah&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholart)

*Jabatan Muzium Malaysia*. (2022).

Jabatan Muzium Malaysia. (2023). *Kursus Kolaboratif Jabatan Muzium Malaysia Bersama Persatuan Muzium Malaysia*. <http://www.jmm.gov.my/ms/content/kursus-kolaboratif-jabatan-muzium-malaysia-bersama-persatuan-muzium-malaysia>

Johnson, P. (2018). *Fundamentals of Collection Development and Management F OUR TH EDI*

*TION Title: Fundamentals of collection development and management.*

<https://lccn.loc.gov/2017051474>

Malang, M. (2011). *“Metode Pengumpulan Data Penelitia...*

[https://scholar.google.com.my/scholar?q=Maliki+Malang+\(2011\)+“Metode+Pengumpulan+Data+Penelitian+Kualitatif,”&hl=en&as\\_sdt=0&as\\_vis=1&oi=scholart](https://scholar.google.com.my/scholar?q=Maliki+Malang+(2011)+“Metode+Pengumpulan+Data+Penelitian+Kualitatif,”&hl=en&as_sdt=0&as_vis=1&oi=scholart)

Malaysia, J. M. (2022). *Permuziuman*. <http://www.jmm.gov.my/ms/permuziuman>

Malaysia, M. J. M. (2022). *Jabatan Muzium Malaysia*. <http://www.jmm.gov.my/ms/mengenai-jabatan-muzium-malaysia>

Malaysia, U. T. (2022). *Latar Belakang Sejarah Masyarakat India*.

*Masyarakat India*. (2022).

Mohd Joseph, M. (2022). *Pengurusan Koleksi Alat Permainan Tradisional Wayang Kulit Di Muzium Negeri Kelantan*.

Mohd Mansur Bin Julani. (2014). *Kaedah Pengumpulan Data Primer & Data Sekunder | PDF*.

<https://www.scribd.com/doc/244337893/Kaedah-pengumpulan-data-primer-data-sekunder>

Muzakir, N. B. (2022). *Kepuasan Pengunjung Terhadap Pengurusan Bukit Malawati Sebagai Tapak Pelancongan Warisan Di Kualan Selangor*. Universiti Malaysia Kelantan.

Norsimah Binti Lakassa. (2007). *Kajian Pengurusan Koleksi Zoologi Di Muzium Sarawak*.

Universiti Malaysia Sarawak.

Nurdiani, N. (2014). Teknik sampling snowball dalam penelitian lapangan. *Journal.Binus.Ac.Id*,

5(2), 1110–1118. <https://journal.binus.ac.id/index.php/comtech/article/view/2427>

Penang HEB. (2022). *The Penang Hindu Endowments Board's Official Website*.

<https://hebpenang.gov.my/>

Portal Rasmi Terengganu, M. (2022). *Apa Itu Muzium*.

<https://museum.terengganu.gov.my/index.php/muzium/apa-itu-muzium>

Razak, S. N. A. B. A. (2022). *Kajian Terhadap Pengurusan Muzium Ketika Pandemik Covid-19*

*Di Muzium Negara Malaysia*. Universiti Malaysia Kelantan.

Shaik Azahar Shaik Hussain. (2021). *Dasar Pengurusan Koleksi Sarawakiana Di Pustaka*

*Negeri Sarawak*. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/288/200>

Tang, J., & Tang, J. (2015). Analysis on the International Situation and Evolution of Research:

Quantitative Analysis on the SSCI Theses from 2005 to 2014. *Advances in Journalism and*

*Communication*, 3(4), 100–109. <https://doi.org/10.4236/AJC.2015.34011>

*Teknik Pengumpulan Data | Pascasiswazah*. (2022). [https://www.pascasiswazah.com/teknik-](https://www.pascasiswazah.com/teknik-pengumpulan-data/)

[pengumpulan-data/](https://www.pascasiswazah.com/teknik-pengumpulan-data/)

Zainudin, N. B. (2022). *Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor Sebagai Pusat Pelancongan:*

*Perspektif Pihak Berkepentingan*. Universiti Malaysia Kelantan.

Zuraidah, H., & Ab Samad, K. (2012). Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan. *Jurnal Melayu*,

9(9), 241–257.

## **ORANG SUMBER**

Encik Prakash R Jakathesan, Pengurus Muzium Warisan India di Pulau Pinang

Encik Mahalinggam Padavettan, Pegawai Lembaga Wakaf Hindu di Muzium Warisan India di

Pulau Pinang.

## LAMPIRAN (APPENDIX A)



**Gambar 1: Temubual bersama informan 1 dan 2, Encik Prakash R Jakathesan dan Encik Mahalingam Padavettan**

**Sumber: Kajian Lapangan, (2022)**



**Gambar 2: Kaedah Penyimpanan Koleksi Di Dalam Rak**

**Sumber: Kajian Lapangan, (2022)**






**Gambar 3: Kaedah Penyimpanan Koleksi Mengikut Satu Set**  
**Sumber: Kajian Lapangan, (2022)**



**Gambar 4: Pelabelan Barangan Koleksi**  
**Sumber: Kajian Lapangan, (2022)**



**Gambar 5: Contoh Borang Wakaf**  
**Sumber: Kajian Lapangan, (2022)**

## SURAT KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN (APPENDIX B)



### UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

### FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

Faculty of Creative Technology and Heritage

Ruj. Kami (*Our Ref.*) :

Tarikh (*Date*)

UMKA02.600-4/7/4 JILID 3 (31)

13 SEPTEMBER 2022

Penang Indian Heritage Museum  
225 & 221  
10450 George Town  
Pulau Pinang

Tuan,

#### MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Nurul Liana Binti Zuber	C19A0670	991218105690	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF

Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

## LATAR BELAKANG INFORMAN (APPENDIX C)

### Informan 1

Nama Informan	Encik Prakash R Jakathesan
Peranan/Jawatan	Pengurus Muzium
Tarikh/Hari Temubual	12 November 2022
Masa Temubual	11:00 Pagi – 1.00 Tengahari
Lokasi	Muzium Warisan India di Pulau Pinang

### Informan 2

Nama Informan	Encik Mahalinggam
Peranan/Jawatan	Staf Wakaf Hindu
Tarikh/Hari Temubual	20 Januari 2023
Masa Temubual	11.00 Pagi – 1.30 Tengahari
Lokasi	Muzium Warisan India di Pulau Pinang

## TRANSKRIP TEMUBUAL

### OBJEKTIF 1 : MENGENALPASTI BENTUK PEROLEHAN ARTIFAK YANG TERDAPAT DI MUZIUM WARISAN INDIA DI PULAU PINANG

<b>PENKAKAJI /INFORMAN</b>	<b>PERBUALAN</b>
<b>PENKAKAJI</b>	Saya nak tanya berkenaan dengan latar belakang Mr. Rakash mengenai nama penuh, umur, latar belakang keluarga, kelulusan akademik, pekerja, status social atau pengalaman kerja sebelum ini?
<b>INFORMAN 1</b>	Nama saya Prakash. Asal dari Perak. Kelulusan Master Dalam Sains dalam Hotel Dan Tourism. Pernah bekerja sebagai pensyarah 17 Tahun dekat Kolej KDU Pulau Pinang dalam Fakulti Hotel dan Tourism. Status sudah berkahwin dan isteri bekerja di Hospital. Mempunyai satu abang sebagai doktor di Damansara, Kuala Lumpur.
<b>PENKAKAJI</b>	Jadinya Mr. Rakash mempunyai dua adik beradik sahaja la?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya, saya sama saya punya abang. Dua orang.
<b>PENKAKAJI</b>	Jadi Mr.Rakash di sini (Muzium) sebagai pemilik la kan?

<b>INFORMAN 1</b>	Ya, sebab barang ini saya buat koleksi selepas 13 tahun. Saya start dengan koleksi mangkuk tingkat jadi saya ada dekat 400 biji mangkuk tingkat. Masa pergi cari mangkuk tingkat ini mereka juga tanya nak beli talam ke nak beli benda -benda lain mengenai kaum India. Jadi isteri saya bagi pendapat why not kita beli untuk masa hadapan kalau mahu buat dekorasi setup atau apa apa boleh. Dari situ kita beli. Dari satu kita beli jadi dua tiga dan bertambah tambah tambah sehinggalah kita dapat buat koleksi di sini.
<b>PENKKAJI</b>	Jadi bermula dari mangkuk tingkat la? Yang selebihnya baru sikit-sikit lah?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya dari situ sekarang sudah jadi macam ni la. Sekarang kita ada dekat sini 2500 barang. Koleksi ini dari seluruh Malaysia jadi kita merantau dulu masa saya ajar dekat KDU selalu ada conference tourism punya yang berkaitan jadi mana mana saya merantau saya akan agihkan dalam tiga jam atau empat jam dalam sehari untuk mencari barang-barang macam ni.
<b>PENKKAJI</b>	Boleh Mr.Rakash terangkan bagaimana Mr.Rakash membawa barang-barang Mr.Rakash dari rumah ke muzium ini ? menggunakan lori atau sebagainya ?
<b>INFORMAN 1</b>	Okay, kebiasaannya kita dapat tahu barang ini melalui antik koleksi ataupun penjual antik jadi mereka tahu mana mana barang. Kita selalu bagitahu dekat mereka yang saya cari barang ini, kita cari barang itu jadi mereka sebagai penjual antik mereka tahu ini barang ada dekat sini, ini barang ada dekat sana. Jadi selepas mereka confirm itu barang ada di sana mereka akan telefon kita. “Rakash barang ini ada kat tempat ni jadi dia ada jual awak datang bincang berapa dengan dia lepastu bagi upah. Jadi kita pergi kita bincang. Jadi dia kata barang tu RM200 jadi kita nego cuba murah dan kalua dia bagi RM180 jadi kita beli selepas itu kita bagi upah dekat orang yang memperkenalkan dekat kita jadi dekat situ kita bawa balik barang itu. Biasa saya bawa saya punya kereta Hilux tengok barang apa yang saya nak beli kalua boleh masuk dalam kereta saya bawa pergi kereta kalau barang besar akan gunakan Hilux.
<b>PENKKAJI</b>	Mr.Rakash bermulanya daripada rumah kan untuk mengumpul koleksi? Jadi bila permulaannya Mr.Rakash tubuhnya Muzium Warisan India ini ?
<b>INFORMAN 1</b>	Saya mula dekat rumah 2009 selepas dua tahun saya buat koleksi saya buat dekat rumah dulu. Dari situ kita minta Kerajaan Pulau Pinang kita ada barang-barang macam ni bolehkah kita dapatkan tempat untuk pameran untuk generasi muda jadi selepas perbincangan dengan ahli kerajaan semua itu 2018 baru mereka terima. Ini bangunan sebenarnya Profesor Ramasami Ketua Menteri Kedua punya pejabat. Jadi dia ubah suai untuk saya dia kata okay awak boleh bawa datang letak disini. 2008 kiranya pertama kali jumpa disini. Kiranya sudah 5 tahun.
<b>PENKKAJI</b>	Contoh kalau barang Mr.Rakash rosak ke apa bagaimana Mr.Rakash baiki ataupun sesetengah itu Mr.Rakash akan buang ?
<b>INFORMAN 1</b>	Kebiasaan barang yang saya cari itu maksimum 90% lebih kebaikkan dia. Saya selalu tak beli barang yang macam dah rosak saya tak berani beli. Jadi saya cari pun barang yang hampir 90% ke atas keadaan dia cantik pasal itu saya tadak masalah dengan barang rosak ka macam tu. Tapi kadang-kadang juga walaupun barang itu 90% sempurna kita letak sini orang yang datang melawat tau kan

	kanak – kanak mereka pergi pegang itu pegang itu masa itu ada rosak juga jadi saya akan perbaik.
<b>PENKKAJI</b>	Kalau terlalu teruk sangat seperti tidak boleh baiki akan dibuang atau bagaimana?
<b>INFORMAN 1</b>	Tak, saya cuba sedaya upaya saya kalau masih barang tu memang tidak boleh digunakan pun apa saya akan buat saya akan simpan sebagai barang antik. Jadi barang antik semestinya selalu dia rosak dia akan kemek macam tu biasa macam tu juga. Kita simpan juga kita tak buang.
<b>PENKKAJI</b>	Jadi memang waktu buka awal-awal dulu pun memang percuma saja?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya, sampai sekarang percuma dari 2018 sampai ke harini memang percuma. Kita takkan dikenakan bayaran apa apa.
<b>PENKKAJI</b>	Saya tengok dekat google muzium ini ada hari tertentukan buka atau memang hari hari buka?
<b>INFORMAN 1</b>	Kita buka 6 hari Selasa kita tutup sebab saya cuti jadi hari Isnin hingga Ahad memang kita buka dari pukul 10 pagi hingga 4 petang.
<b>PENKKAJI</b>	Kalau pukul 1 petang Mr Rakash akan tutup lah?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya, lunch hour kita tutup.
<b>PENKKAJI</b>	Selalunya Mr.Rakash sahaja la yang mengendalikan muzium ini atau ada staff staff lain ?
<b>INFORMAN 1</b>	Saya satu orang yang incharge kalau saya cuti yang tadi abang itu pakai baju oren dia yang incharge.
<b>PENKKAJI</b>	Abang yang tadi itu peranan dia sebagai apa tugas dia?
<b>INFORMAN 1</b>	Dia pun bekerja di pejabat ini juga tapi sebelah ini kita ada Lembaga Wakaf Hindu jadi dia kerja dekat pejabat masa saya tiada dia akan jaga. Jadi saya officially curator disini. Jadi saya jaga saya explain saya yang handle semuanya. Kalau saya cuti dia datang sini.
<b>PENKKAJI</b>	Kalau contoh orang nak wakaf barang contoh barang mengenai warisan India melalui Mr.Rakash ataupun ada staff lain yang handle?
<b>INFORMAN 1</b>	Kebiasaannya kalau mereka nak hantar barang mereka akan telefon pejabat. Telefon pejabat dan mereka akan tanya okay kita nak bagi macam mereka hantar tadi. Jadi mereka akan tanya kita ada barang ini kita nak hantar jadi kita ada form jadi dalam form itu kita akan suruh mereka isi nama semua apa apa dan kita akan tulis dalam itu juga kondisi barang itu macam mana pecah ka retak ka okay ke jadi kita akan tulis and suruh mereka tandatangan. Jadi dalam form itu kita akan tanya you want to donate ini as permanent ka atau you nak bagi macam temporary lebih setahun saya nak ambil balik lepas 6 bulan saya nak ambil balik. Pilihan mereka.

<b>PENKKAJI</b>	Kalau contoh ada tempoh contoh setahun dia nak letak jadi setahun tu dia ada charge bayaran atau free saja?
<b>INFORMAN 1</b>	Free saja. Sebab kebanyakan barang yang ada disini sudah ada jadi macam barang ini semua memang mereka tidak guna dirumah mereka hantar jadi biasanya kalau mereka datang kadang-kadang ada tanya juga kita ada barang you nak beli tak? Saya beli terus. Berbanding dari saya pinjam sini pinjam sana saya takut kalau apa apa jadi dia kata hang yang pinjam hang yang rosak bayar jadi saya tak mahu isu itu jadi kebiasaan orang yang datang beli saya akan tanya you mau jual saya beli senang you pun settle saya pun settle saya biasa macam tu.
<b>PENKKAJI</b>	Contoh barang Mr.Rakash dah ada contoh mangkuk tingkat Mr.Rakash dah ada banyak dan ada orang nak wakaf. Mr.Rakash akan ambil juga ataupun tak?
<b>INFORMAN 1</b>	Kalau benda yang sama design yang sama saya takkan ambil.
<b>PENKKAJI</b>	Kalau berbeza dan tengok value dia lagi tinggi memang akan ambil la?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya saya akan ambil tapi biasa saya beli saya tak amek sebab macam mangkuk tingkat koleksi saya sendiri dan saya tuli mengenai mangkuk tingkat buku jadi biasa kalau mangkuk tingkat saya akan beli terus walaupun dia akan cakap wakaf pun. Wakaf tu memang kurang la dalam seribu 1. Macam benda itu memang tak boleh pakai memang mereka akan wakaf kalau mereka tau benda itu saya boleh buat duit mana ada orang nak wakaf walaupun tengok haritu saya ada tanya contoh kawan ini dia ada muzium dekat senawang jadi saya ada projector sini yang tunjuk punya pawangan punya gambar kan jadi dia pose poster ini tahun 70-an dekat cinema mereka lekat. Saya tanya morning bang tanya poster ni juai ka ni poster pawangan. Jual. Satu poster RM1500 ini pun sama juga satu poster RM1500 jadi kebiasaan kalau saya bawa barang pinjam sini rosak saya takut. Jadi saya biasa saya beli. Okay RM1500 kalau saya boleh beli saya beli.
<b>PENKKAJI</b>	Tidak kisah barang apa pun berkenaan dengan warisan india Mr.Rakash memang akan beli?
<b>INFORMAN 1</b>	Bergantung. Barang warisan india saya akan beli juga tapi saya punya koleksi dekat rumah saya beli macam barang-barang kenangan Malaya. Macam semalam saya beli ini. Saya suka tin hacks, tahun 60-an sekarang plastic kan. Tahun 60-an tin hacks tu tin jadi saya suka barang-barang Malaya kenangan Malaysia. Jadi buatan Malaysia untuk Malaysia jadi saya akan beli barang-barang macam ni. Certain barang saya tak letak sini yang tu memang personal punya saya simpan di rumah jadi dia bergantung juga.
<b>PENKKAJI</b>	Jadi memang akan on the spot?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya on the spot. Normally mereka akan hantar gambar mereka akan tanya eh Prakash you minat ka ini jadi saya pun check kalau saya minat saya kata okaylah on. Jadi dia ni duduk dekat butterworth jadi dia datang sini dia cakaplah Prakash saya dah bawa barang.

<b>PENKKAJI</b>	Mereka akan hantar sendiri ka ataupun kita meet mana mana?
<b>INFORMAN 1</b>	Bergantung kalau saya cakap kita jumpa dekat town kita jumpa kalau tadak saya cakap saya busy satu orang juga sini tadak orang mereka akan hantar sini terus
<b>PENKKAJI</b>	Dekat sini mostly barang yang Mr.Prakash ada banyak daripada barang yang lain apa dia ? contoh apa yang paling banyak barang yang Mr Prakash kumpul?
<b>INFORMAN 1</b>	Barang tembaga banyak sangat kebanyakannya barang tembaga. Kalau tengok barang tembaga saja saya ingat dia almost satu ribu barang dekat sini.
<b>PENKKAJI</b>	Jadi barang yang tembaga itu Mr Prakash beli ataupun apa?
<b>INFORMAN 1</b>	Beli. Dari rumah-rumah macam kenalan -kenalan mereka memang tak pakai jadi saya beli. Kadang-kadang mereka nak bagi free juga tapi saya selalu tanya dekat dia you jual dekat saya. Kadang-kadang mereka tanya juga apa pasal kita nak bagi free pun you suruh kita minta jual? First reason kalau mereka bagi free macam perempuan ini dia bagi free mesin ini. Dia datang dia tanya apa pasal saya punya barang di belakang? Apasal you tak letak depan? Apa pasal dia punya tag saya punya besar? Normally saya punya text saya bagi standard saja. Apa pasal saya punya you letak ini saiz? Boleh letak besar sikit. Jadi itu masalah. Kalau kita ada beli mereka takkan cakap apa apa kan yang tu sudah barang kita. Masa tu siapa-siapa kata nak donate pun saya cakap saya beli.
<b>PENKKAJI</b>	Jadi saya tau kebanyakannya Mr Prakash beli kan daripada orang donate kiranya mostly barang Mr Prakash ada ni semua beli kan? Jadi kalau orang donate tu sikit saja kan? Macam haritu saya datang.
<b>INFORMAN 1</b>	Ya, dalam 2500 barang saya ingat less dalam 100 barang.
<b>PENKKAJI</b>	Antara barang donation selain daripada yang batu tenggiling itu? Apa lagi ?
<b>INFORMAN 1</b>	Yang ni semua Mr Mahalinggam yang punya.
<b>PENKKAJI</b>	Ini semua Mr. Mahalinggam punya?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya ini semua dia yang bagi. Dan ada juga barang barang tembaga pun dia ada bagi juga
<b>PENKKAJI</b>	Jadi ini koleksi Mr. Mahalinggam punyalah?
<b>INFORMAN 1</b>	Ya betul.
<b>PENKKAJI</b>	Yang ini dua jam itu semua Mr.Mahalinggam punya.
<b>INFORMAN 1</b>	Mr.Mahalinggam pun suka kumpul koleksi barang lama?
<b>PENKKAJI</b>	Dia suka simpan barang barang kepunyaan family dia



<b>INFORMAN 1</b>	Jadi ini barang warisan la?
<b>PENKKAJI</b>	Yang ini semua memang dia pakai sebab dia ada security company dan bapak dia pun orang sini kan dulu. Jadi dia simpanlah
<b>PENKKAJI</b>	Macam saya tahu muzium warisan india ini under Lembaga Wakaf Hindu. Wakaf itu merupakan satu persatuan ataupun apa?
<b>INFORMAN 1</b>	Dia badan tidak berkanun dia under state government dalam state dia salah satu organization untuk menjaga wakaf kaum India di Pulau Pinang. Oleh itu kerana bangunan Kawasan mereka kita collabrate. Barang saya punya bangunan mereka punya dia macam tu.
<b>PENKKAJI</b>	Apa apa mengenai pengurusan muzium di bawah Lembaga wakaf hindu juga ke ?
<b>INFORMAN 1</b>	Jadi diorang akan ignore tapi decision saya ambil. Saya akan bagitahu saya nak buat macam tu. Sampai sekarang diorang tak pernah macam “eh jangan” jadi selalu saya bagi explanation ini ini kita kena buat so normally diorang okay. Satu benda saja saya kena dapat confirmation anything relate financial. kalau kata nak tukar aircond rosak macam tu yes I kena comittet dengan diorang. Anything out diorang punya pembelanjaan saya boleh buat decision. Bos saya memang ada bagi yang itulah
<b>PENKKAJI</b>	Kalau MR rakash beli barang melalui duit diserahkan sendiri ataupun duit wakaf hindu ?
<b>INFORMAN 1</b>	Setiap satu barang disini 100% barang saya, saya beli dengan duit poket. Sebab part time saya keje dekat kolej kan. So dari situ saya beli. Yang ini kira hobi saja.
<b>PENKKAJI</b>	Kiranya peranan Lembaga wakaf hindu hanya melibatkan financial sahaja la ?
<b>INFORMAN 1</b>	Yaa dalam muzium itu mengenai financial yes. Saya akan discuss dengan diorang. Apa apa barang , susunan, tukar susunan, mereka bagi hak saya untuk buat sendiri.
